



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 3

Hari Rabu

19hb Disember, 1990

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
- Y.B. Tuan Hassan bin Harun**

(Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 19hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin membuat pembetulan kepada soalan itu iaitu dari penghujung ayat perkataan "penghidupan" kepada "kehidupan".

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

1. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang akan bekerjasama dengan Kerajaan Kelantan dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua aspek kehidupan rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya bekerjasama dengan semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang bersangkutan dalam pelaksanaan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan akan terus berbuat demikian.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang handsome.

[Ketawa]

Adakah Kerajaan sedar bahawa Kerajaan di negeri Kelantan yang ada sekarang ini menjalankan Penerapan Nilai-nilai Islam mengikut: alanya, bukan mengikut sepenuhnya ajaran-ajaran ataupun visi Penerapan nilai-nilai Islam itu. Sekiranya sedar, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan supaya tidak Penerapan Nilai-nilai

Islam itu diselewengkan mengikut Penerapan Nilai-nilai PAS dan 46?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini:

Sebagaimana Dewan yang mulia ini termaklum bahawa pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang ada pada hari ini memang membuat interpretasi-interpretasinya mengikut alanya sendiri. Kita tengok baru-baru ini Menteri Besar sendiri telahpun mengatakan bahawa mereka tidak mahu membenarkan pihak wanita bekerja sebelah malam, kerana ini kononnya bercanggah dengan pendiriannya, mengikut interpretasi mereka, dan kita tidak terkejutlah benda ini berlaku kerana PAS sememangnya telahpun membawa isu-isu yang nampaknya alanya sendiri, kadang-kadang bercanggah dengan Islam sendiri sebagaimana yang kita difahamkan.

Saya rasa sekarang ini Kerajaan PAS sungguhpun membuat pandangan-pandangan begitu, mereka hari ini kalau di Kelantan terpaksa berhadapan dengan hakikat sebagaimana kita lihat hari ini mereka telah menarik balik nasihatnya, walaupun belum ada arahan, nasihat supaya tidak membenarkan wanita bekerja sebelah malam, kerana ini adalah satu hakikat dan sebenarnya bercanggah dengan Islam sendiri. Saya percaya lebih banyak mereka membuat nasihat ataupun teguran-teguran tertentu, makin terdedahlah segala muslihat-muslihat PAS.

Saya percaya hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional untuk menegakkan Islam sepertimana yang sebenar dan menggalakkan Penerapan Nilai-nilai Islam akan lebih berjaya. Sekian.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan percanggahan-percanggahan interpretasi Penerapan Nilai-nilai Islam tadi, bagaimanakah Yang Berhormat jangka agaknya kerjasama itu boleh diadakan di antara Kerajaan Persekutuan.dengan Kerajaan Negeri Kelantan?

Raja Dato¹ Ariffin bin Raja Sulaiman: Sebagaimana saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kerjasama kita ialah berasaskan kepada pendirian kita sebuah Jabatan Agama Islam dan juga agensi-agensi yang lain yang dibuat oleh Kerajaan.

Saya ingat pandangan kita dalam hal ini bukanlah pandangan satu-satu individu dalam Kerajaan, tetapi.pandangan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan Islam dan kita lihat apa yang dibuat oleh PAS hari ini ialah pendirian-pendirian peribadi, Jadi, kalau ini sudah bercanggah dengan.ajaran Islam, saya percaya sebagaimana saya sebutkan tadi perkara ini perlu terpaksa ditarik balik, kalau pun kita tidak paksa sebagaimana sudah berlaku dalam hal ini kerana mereka menghadapi hakikat hidup. Bahkan ini saya pun baca dalam suratkhobar juga, kita baca baru-baru ini ada pihak anggota-anggota Angkatan Perpaduan Umah sendiri telahpun meminta supaya Kerajaan Kelantan membuat pendirian berkenaan dengan penjualan arak, perlu dibenarkan kerana yang dibenarkan ini dijual kepada orang-orang bukan Islam. Kita di sini pun yang kita benarkan jual arak hanya kepada orang-bukan Islam.

Jadi, nampaknya kalau dahulu di luar Kerajaan bercakap perkara lain, sekarang ini terpaksa menghadapi hakikat kehidupan harian dalam negara kita. Jadi kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Kelantan akan berasaskan kepada kebenaran. Kita akan terus bekerjasama.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak jelas di atas penerangan dan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi. Pertama, di atas soalan sahabat saya Yang Berhormat Puan Ainon, apakah tindakan Kerajaan Pusat?

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau kita terus membiarkan penyelewengan yang dilakukan oleh Kerajaan PAS sehingga menjadikan agama Islam ini seolah-olah macam satu agama yang menjadi ejekkan kepada kaum lain. Islam di Kelantan macam ini cara corak fatwanya, Islam di Pusat begini cara corak fatwanya. Jadi, itu yang saya ingin tahu dengan tegas apakah tindakan dan rancangan yang akan diambil oleh pihak Pusat untuk mengawasi bahawasanya Islam yang dipelopori oleh bahagian Pusat ini merupakan Islam yang harus dituntut dan yang benar. Maka kita menafikan fatwa-fatwa yang diwujudkan oleh Kerajaan PAS yang senantiasa mencari jalan untuk mengabuli mata rakyat. Itu saya ingin tahu.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan soalan ini supaya kita lebih jelas. Yang penting saya ingat bukanlah Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Yang pentingnya kita hendak lihat bahawa Islam yang benar ini akan dapat diamalkan secara sukarela oleh rakyat keseluruhannya dan yang mana tidak benar itu akan dapat dipisahkan atau diketepikan.

Hari ini sebagaimana saya sebutkan tadi apabila ada fatwa-fatwa yang dikeluarkan secara tidak bertulis ini dia kata teruk, bahkan fatwa yang dikeluarkan supaya wanita tidak bekerja ini dikeluarkan di kawasan saya di Baling, di kawasan Memali ini dikatakan sebagai fatwa. Tetapi kita tengok pasukan APU sendiri tidak bersetuju. Jadi, sudah ada pertentangan di dalam pasukan mereka sendiri.

Kita tengok teguran-teguran datang dari kumpulan Semangat 46 dan saya percaya tindakan yang begini sama-sama mereka menjelaskan kedudukan yang saya rasa akan lebih menjelaskan perkara ini akan tidak dipandang bahawa tindakan sengaja dibuat oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin, di mana UMNO menjadi anggotanya bahawa kita mengambil tindakan untuk menyekat perkembangan agama Islam. Ini akan membawa bahaya kepada agama kita di dalam negara kita kerana nampak ini caranya Kerajaan di mana UMNO menjadi tulang belakangnya mengambil tindakan menyekat perkembangan agama yang hendak dibawakan oleh PAS dan juga rakan-rakannya. Tetapi kita lihat di dalam APU sendiri sekarang ini bertelingkah dan mereka khuatir bahawa tindakan-tindakan yang dibuat oleh mereka tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat keseluruhannya, khususnya daripada orang-orang Islam sendiri.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dengan cara pencabutan Jawatankuasa Penyelaras dalam pembangunan akan ada pula penyelarasan di bidang keagamaan walaupun bidang ini di bawah kuasa Raja?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jawatankuasa Penyelaras di bidang agama ini sudahpun ada dan ianya berfungsi.

Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya baca di suratkhbar yang lalu menyatakan Kerajaan PAS menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke sana. Ini saya tidak tahulah apa reaksinya. Tetapi apa pula kalau pihak Kerajaan yang berkuasa pula menjemput mereka datang ke mari dengan ikhlas dan kita siap-sedia perkara-perkara yang kita ingin berdebat atau berbahas demi untuk penduduk-penduduk di sana. Mungkin psychologically, dengan izin, ada mendatangkan kebaikan kemudiannya untuk rakyat di sana.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada hasrat Kerajaan PAS untuk menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi sehingga kini sebenarnya saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini belum ada jemputan rasmi daripada PAS sendiri. Mungkin mereka bercakap di dalam suratkhbar hanya hendak melahirkan kepada rakyat umum seolah-olah mereka itu tulus ikhlas tetapi ini saya nampak hanya sekadar mainan politik sahaja. Tetapi dari segi Kerajaan Persekutuan saya percaya kalau tiba masanya, kena pada masa dan saatnya, perkara-perkara tertentu yang

melibatkan kepentingan masyarakat umum khususnya rakyat apatahlagi rakyat di Kelantan, saya percaya Kerajaan Persekutuan sanggup berbincang dengan mana-raana pihak sekalipun termasuklah Kerajaan Negeri Kelantan untuk kebaikan rakyat dan negara keseluruhannya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KOREA

2. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke Korea baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Abdullah Fadzil bin

Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Korea Selatan pada 11hb hingga 14hb September 1990 telah mendatangkan banyak faedah dan manfaat kepada kita.

Semasa di sana Perdana Mentcri telah mengadakan perbincangan dengan Presiden dan Perdana Menteri Korea Selatan mengenai isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan bersama. Perdana Menteri juga telah memberi ucapan mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia kepada usahawan-usahawan Korea Selatan.

Antara hasil-hasil yang dicapai semasa lawatan tersebut ialah:

- (i) dari segi hubungan perdagangan dan ekonomi, kedua-dua negara telah menyatakan kesediaan masing-masing untuk berusaha dengan lebih giat lagi, bagi mempertingkatkan hubungan itu dengan mengeksploitasikan potensi yang sedia ada;
- (ii) atas permintaan kita, pihak Korea Selatan juga telah bersetuju untuk menurunkan cukai import ke atas minyak kernel kelapa sawit daripada 13% kepada 10%;

- (iii) pelaburan Korea Selatan di Malaysia juga telah meningkat terutama sekali pada dua tahun kebelakangan ini selepas Kerajaan Korea melonggarkan syarat-syarat pelaburan Korea di luar negeri. Presiden Korea telah memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa Kerajaan Korea akan terus menggalakkan usahawan-usahawan Korea untuk melabur di Malaysia; dan
- (iv) Korea Selatan juga telah memberi jaminan bahawa ianya akan- terus menyokong program Dasar Pandang ke Timur Malaysia. Presiden Korea juga mengumumkan keputusan Kerajaan untuk menyumbangkan US\$1 juta kepada Kerajaan Malaysia sebagai sumbangan untuk pembinaan Pusat Bahasa Korea di Institut Teknologi Mara.

Buat kesimpulannya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Korea Selatan telah mencapai objektifnya. Selain daripada mengeratkan lagi hubungan peribadi mereka, hubungan kedua-dua buah negara terutama di dalam bidang perdagangan dan ekonomi akan meningkat ke satu tahap yang lebih tinggi buat masa-masa akan datang.

PEGAWAI KERANI PENDIDIKAN - LANTIKAN

3. Tuan V K. Sellappan minta Menteri Pendidikan menyatakan di sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid yang kurang daripada 150 murid (under enrolment schools) tugas dan tanggungjawab guru besar adalah terlalu berat dan tidak dapat mencapai prestasi yang tinggi dan efektif. Adakah cadangan untuk melantik kerani dan pelayan pejabat di sekolah-sekolah kategori ini untuk meringankan beban guru besar.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memperuntukkan Pegawai Kerani Pendidikan bagi menjalankan urusan dan tugas yang berkaitan dengan kewangan, pentadbiran dan perkhidmatan

di semua sekolah bantuan Kerajaan termasuk sekolah yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 150 orang. Memandangkan tugas dan tanggungjawab di sekolah kekurangan murid ini tidak membebankan, Kementerian telah melantik seorang Pegawai Kerani Pendidikan untuk bertugas di dua buah sekolah berhampiran secara bergilir-gilir.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan kepada Dewan **ini**, berapa banyakkah bilangan sekolah-sekolah yang kurang daripada 150 murid dalam negara kita?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, banyak - saya mohon notis, terutama di Sarawak, Sabah dan beberapa kawasan di Pahang. Saya tidak ingat jumlahnya.

PASPORT MALAYSIA PALSU

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat sekarang bilangan pasport Malaysia palsu yang dapat dikesan;
- (b) bilangan pasport Malaysia yang dilaporkan hilang dan bilangan yang telah dijumpai;
- (c) bagaimana pasport-pasport Malaysia itu hilang; dan
- (d) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah di atas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini tidak ada kes pasport Malaysia palsu yang ditemui. Yang ada ialah yang dipinda ciri-cirinya sahaja. Dari tahun 1989 hingga September 1990, sebanyak 558 kes telah dapat dikesan.
- (b) Bilangan pasport Malaysia yang telah dilaporkan hilang dari tahun 1989 hingga September 1990 adalah berjumlah 3,628 buah yang mana 196 buah telah dijumpai semula .
- (c) Pasport-pasport boleh hilang dalam berbagai cara. Antaranya seperti dicuri, kerana bencana alam, tercicir, ditipu semasa memohon visa negara asing oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya .
- (d) Jawapan kepada soalan yang sama seperti bahagian (d) telahpun saya berikan pada 17hb Disember, 1990.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dinasihatkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri jangan memberi pasport kita kepada sesiapa pun. Sekiranya agen pelancongan memerlukan pasport pelancong, bagaimana kita boleh mengatasi masalah itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selalunya bagi mereka yang hendak ke luar negeri untuk melancong, mereka ini telah membenarkan pihak agen untuk mengendalikan masalah visa dan sebagainya. Ini tentulah memberi peluang yang lama bagi agen-agen memegang pasport orang-orang yang hendak melancong ini. Jika masanya itu panjang maka peluang untuk mereka menggunakan pasport ini untuk perkara-perkara yang tidak baik adalah besar kemungkinannya. Dengan sebab itu, lebih baiklah visa dikendalikan oleh pelancong-pelancong itu sendiri tetapi kalau samata-mata untuk menguruskan cop kastam dan sebagainya di lapanganterbang yang hanya memerlukan masa yang singkat, itu bolehlah diberi kepada agen yang mengendalikan. Tetapi tentukan pasport itu sendiri dapat ke tangan kita semula semasa kita berada di lapanganterbang, agar ianya benar-benar selamat.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan bahawa adakah Kementerian Dalam Negeri sedar berkenaan dengan setengah-tengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah menjalankan sindiket di luar negeri sehingga menjualkan pasport Malaysia dengan nilai lebih kurang 530,000 menurut suatu laporan yang saya baca. Kalau sekiranya benar, adakah Kementerian akan menjalankan siasatan dengan melaporkan kes ini kepada Interpol?

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan selama ini adakah operator ataupun agen pelancong yang mencuaikan atau mengabaikan pasport-pasport yang telah diserahkan kepada mereka dan terus hilang?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari perangkaan tahun 1989 dan tahun 1990. Tahun 1989 misalnya, kehilangan pasport dalam negeri ialah 1,070 dan di luar negeri 503. Tahun 1990, kehilangan pasport dalam negeri ialah 1,762 dan di luar negeri, 263. Ini menunjukkan bahawa bilangan pasport di luar negeri ini tentulah ada pihak-pihak yang cuba menggunakan pasport Malaysia yang boleh masuk kebanyakan negara di dalam dunia ini untuk dijual kepada pihak-pihak yang tertentu. Dan pihak Kementerian dan pihak Polis memang cuba seberapa daya untuk bekerjasama dengan negeri-negeri yang mempunyai hubungan-kait yang rapat dengan kita untuk mengenalpasti jika ada sindiket-sindiket yang telahpun menjualkan pasport-pasport kita.

Dalam negeri sendiri, kita mengesyaki beberapa agen, mungkin bukan agen itu sendiri tetapi kakitangan dalam agen itu sendiri yang telah melakukan perkara seperti ini sepertimana yang berlaku di Johor Bahru. Hampir 20 pasport yang telahpun disimpan hanya satu malam di pejabat agen tersebut, pada malam tersebut pejabat itu telah dicuri dan ke semua pasport itu telah hilang. Ini tentulah ada 'kaki' dari dalam yang telah memberitahu bahawa pasport ada di dalam kerana satu pasport boleh dijual dengan harga \$20,000 kalau 20 pasport bermakna \$400,000. Ini satu angka kewangan yang banyak.

Begitu juga sepertimana yang berlaku di Subang, tiba-tiba satu beg yang penuh dengan pasport pelancong-pelancong telah hilang. Jadi, pihak Polis sedang menyiasat perkara ini, kalau pun tidak agen yang melakukan itu, mungkin ada kakitangan daripada agen-agen tersebut yang telah melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua.: Soalan tambahan yang terakhir sekali.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan daripada keterangan-keterangan yang kita telahpun dengar, jelaslah pasport Malaysia ini begitu laku sekali di pasaran dunia. Jadi, apakah yang istimewa sangat pasport Malaysia ini berbanding dengan pasport-pasport negara lain?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bukan pasport itu yang menjadi keinginan sangat bagi orang-orang luar tetapi pandangan dunia luar terhadap rakyat Malaysia dan negara Malaysia itu terlalu tinggi sehingga rakyat Malaysia ini tidak ditegah untuk memasuki ke negeri-negeri mana. Kalau pasport itu ditunjukkan pasport Malaysia, terus sahaja boleh dibenarkan masuk. Itulah kita bermegah menjadi rakyat Malaysia. [Tepuk]

PETROLEUM - KENAIKAN HARGA

5. **Tuan Tiang Hiew King** minta Perdana Menteri menyatakan kerana kenaikan harga petroleum di pasaran antarabangsa, akibat krisis Teluk:

- (a) kenapa harga petroleum dalam negeri pun turut naik, walaupun Malaysia kita adalah juga pengeluar petroleum;
- (b) apakah Kerajaan sedar kenaikan harga petroleum dalam negeri akan mendatangkan kesan buruk kepada perkembangan/pertumbuhan industri perkilangan dan industri aliran ke hilir memproses kayu kita - iaitu menambah kos pengeluaran dan mengurangkan daya persaingan keluaran kita di pasaran antarabangsa; dan
- (c) apakah Kerajaan akan menimbang mengeksport/menjual petroleum dengan harga pasaran antarabangsa demi mendapatkan lebih pendapatan wang pertukaran asing sambil menurunkan harga petroleum di pasaran dalam negeri supaya dapat menggalakkan pertumbuhan industri perkilangan dan industri aliran ke hilir pemprosesan kayu dalam negeri kita,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Walaupun Malaysia sendiri telah menjadi pengeluar petroleum mentah, bekalan barang-barang petroleum di dalam negara adalah juga diperolehi daripada sumber-sumber import. Kira-kira 48% keperluan bagi minyak petrol premium dan 32% keperluan diesel diperolehi daripada sumber import. Oleh yang demikian, paras harga runcit barang-barang petroleum di negara ini juga dipengaruhi oleh kedudukan harga minyak mentah dan kos barangan atau product postings, dengan izin, di pasaran antara-bangsa.

Akibat Krisis Teluk, kos barang-barang petroleum di pasaran antarabangsa telah melambung tinggi. sehingga 79% bagi petrol premium, 80% bagi diesel, 47% bagi LPG dan sebanyak 151% bagi minyak tanah. Namun begitu, Kerajaan telah dapat mengawal harga yang tidak begitu tinggi setakat 12% bagi petrol, 16% bagi diesel, 4% bagi LPG dan hanya sebanyak 14% bagi minyak tanah melalui pengubahsuaian paras duti import/eksais. Jika dibandingkan dengan paras harga di negara-negara jiran harga runcit barang-barang petroleum di negara ini juga masih rendah lagi.

- (b) Kerajaan adalah sedar dengan kenaikan harga barang-barang petroleum akan memberi kesan terhadap perkembangan pertumbuhan industri tempatan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil

langkah antara lain membendung kenaikan harga barang-barang petroleum supaya kenaikan dalam kos pengeluaran dan pengangkutan dalam industri perkilangan dapat dikurangkan. Harga diesel pada paras sekarang telah menyebabkan kos pengangkutan meningkat sebanyak 22.83% berbanding dengan sebanyak 49.817 sekiranya pengawalan harga diesel tidak dibuat oleh Kerajaan .

- (c) Petroleum dari negara ini sememangnya dieksport mengikut harga pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, harga barang-barang petroleum dalam negeri adalah ditetapkan melalui satu mekanisme sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan paras yang berpatutan bagi menjamin pertumbuhan industri perkilangan dan pemerosesan tidak terbantut.

Kerajaan sememangnya tidak membenarkan harga petroleum meningkat pada kadar yang sama dengan peningkatan bahan mentah petroleum antarabangsa seperti yang dialami oleh negara-negara yang mengimport sebahagian besar keperluan bahan petroleum mereka.

Setakat itu, sekian.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa juta jumlah subsidi telah dibayar kepada Shell, Esso ataupun PETRONAS dan lain-lainnya oleh Kerajaan Persekutuan bagi menurunkan harga petroleum di pasaran dalam negeri?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak memberi apa-apa subsidi. Mekanisma yang digunakan ialah melalui duti dan eksais. Jadi, tidak ada subsidi yang terlibat.

SUKAN OLIMPIK 1992 DI BARCELONA

6. Dr. Nordin Selat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan yang sedang dibuat untuk mendapat Pingat di Sukan Olimpik 1992 di Barcelona, Sepanyol.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah membuat kajian yang terperinci bagi mengenalpasti sukan-sukan yang berkemungkinan menyumbangkan pingat atau memberi prestasi yang baik di Sukan Olimpik 1992 di Barcelona, Sepanyol.

Dari kajian yang telah dijalankan, pihak Kementerian mendapati hanya sukan badminton sahaja yang berkeupayaan dan berkemungkinan memberikan pingat yang pertama untuk negara dalam Sukan Olimpik tersebut.

Selain daripada itu sukan bolasepak, menembak dan hoki akan melalui proses peringkat kelayakan yang tertentu.

Justeru itu untuk badminton, sebuah jawatankuasa yang dikenal pasti sebagai Projek Badminton Barcelona Olimpik telah dibentuk untuk menyediakan beberapa strategi yang tertentu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Antara lain termasuklah mengenal pasti pemain-pemain seperti Rashid Sidek, Foo Kok Keong, Razif Sidek dan Jailani Sidek dan beberapa pemain di bawah projek Thomas, Uber Olimpik yang akan mewakili negara di Sukan Olimpik akan datang, dan bagi pasukan bolasepak mewujudkan Skwad Barcelona.

Selain daripada itu, langkah-langkah juga diambil untuk menjalani latihan secara sepenuh masa sehingga menjelang Sukan Olimpik yang akan datang. Langkah-langkah juga diambil untuk menghantar pemain-pemain tersebut menyertai kejohanan-kejohanan antarabangsa untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman yang secukupnya.

Kerajaan juga menyediakan dua orang jurulatih sepenuh masa untuk badminton bagi melatih pemain-pemain tersebut dan menyediakan perkhidmatan pakar dalam bidang persiapan mental, psikologi, biomekanik dan latihan kekuatan bagi membantu mereka menjalani latihan secara total bagi melahirkan pemain-pemain yang berjaya dalam kejohanan tersebut.

Selain daripada itu Kerajaan juga melalui Majlis Sukan Negara menyediakan hadiah ganjaran wang tunai di bawah Skim Hadiah Kemenangan Majlis Sukan Negara sekiranya mereka berjaya membawa pulang sebarang pingat di kejohanan Olimpik tersebut.

**SYARIKAT KERJASAMA NESA DAN KOPERASI BELIA MAJU JAYA BERHAD -
SKIM PENYELAMAT**

7. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai situasi Syarikat Koperasi Nesa dan Maju Jaya selepas diambil oleh Bank Negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan satu skim penyelamat bagi para pendeposit Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad dan Koperasi Belia Maju Jaya Berhad. Di bawah skim penyelamat ini, para pendeposit bagi kedua-dua Koperasi tersebut akan menerima pembayaran balik \$1 bagi setiap ringgit deposit yang dibuat oleh mereka.

Oleh kerana prosedur dan cara bagi melaksanakan skim penyelamat itu sedang dirangkakan maka butir-butir lanjut mengenainya tidak dapat diumumkan di sini sekarang.

DR. NELSON MANDELA - LAWATAN KE MALAYSIA

8. **Tuan Chong Chi Siong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil yang diperolehi berikutan dari lawatan Dr. Nelson Mandela ke negara kita;
- (b) sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan di-mansuh memandangkan pendirian Malaysia dalam isu hak asasi manusia dan keburukan memperbeza-bezakan manusia dengan warna kulit di Afrika Selatan;
- (c) sebab Dr. Nelson Mandela dianugerahkan Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti Malaya; dan
- (dj) siapa yang rmemutuskan untuk memberi Dr. Mandela peng-anugerahan tersebut; sama ada Kerajaan Malaysia atau pihak Universiti.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan; Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lawatan Dr. Nelson Mandela ke negara kita telah menarik perhatian dunia memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang aktif menentang Apartheid di Afrika Selatan. Kejayaan kita mengendalikan lawatan tersebut telah menguatkan lagi pengiktirafan dan sanjungan masyarakat antarabangsa terhadap peranan dan sokongan Malaysia dalam isu itu.

Melalui lawatan itu juga, kita telah mendapat maklumat mengenai perkembangan terakhir di Afrika Selatan dari Dr. Mandela sendiri dan mengenai tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kongres Kebangsaan Afrika atau African National Council (ANC), dengan izin, dan orang-orang kulit hitam telah mencari penyelesaian politik dan masa depan negara itu. Dalam pada itu Dr. Mandela telah berpeluang melihat bagaimana Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dapat maju dengan aman dan stabil. Malaysia juga dijangka akan diberi layanan baik apabila teraju pemerintahan Afrika Selatan diambilalih oleh pihak majoriti kulit hitam pada masa hadapan. Ini sesuai dengan jaminan yang telah diberi oleh Dr. Mandela bahawa hubungan dengan Malaysia akan diberi keutamaan.

- (b) Kementerian Dalam Negeri tidaklah bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Pindaan 1972) kerana ianya diperlukan untuk mengekal dan mengawal keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.
- (c) Universiti Malaya menganugerahkan Doktor Kehormat Persuratan kepada Dr. Mandela adalah sebagai penghormatan kepada perjuangannya yang berterusan menentang sistem apartheid di Afrika Selatan.
- (d) Penganugerahan Doktor Kehormat Persuratan kepada Dr. Mandela diputuskan oleh pihak Senat Universiti Malaya.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan kita yakin bahawa satu hari nanti Dr. Nelson Mandela akan menerajui Kerajaan Afrika Selatan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia amat yakin akan keadaan itu berlaku tidak lama lagi.

Tuan C. Krishnan; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Kerajaan Malaysia telah memberi bantuan kewangan di atas rayuan Dr. Nelson Mandela melalui ANC, jika benar, berapa banyak ?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Benar, jumlahnya M\$5 juta.

TOURIST CHALETS - KEBERSIHAN

9. **Jen. (B) Tan. Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada usaha mengawal dengan ketat, pembinaan "Tourist Chalets" oleh private individual terutama sekali dari segi kemudahan tandas dan kebersihan. Banyak "Tourist Chalets" telah dibina oleh private individual di pantai laut dan sekiranya kemudahan yang ada tidak diselaraskan, ini akan menjejaskan nama baik Malaysia buat keseluruhannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan adalah berusaha di dalam pengawalan pembinaan dan pengendalian chalet-chalet dengan menekankan soal-soal kebersihan dan kemudahan tandas yang baik. Walau bagaimanapun mungkin terdapat chalet-chalet yang telah lama dibina yang sekarang didapati kekurangan dari segi kelengkapan dan kebersihan.

Bagi pengusaha-pengusaha lama, Kementerian dan Penguasa-penguasa Tempatan sentiasa berbincang dengan pengusaha-pengusaha chalet yang berkenaan supaya mereka meningkatkan mutu kebersihan dan tandas chalet-chalet berkenaan.

Bagi chalet-chalet baru, salah satu daripada usaha yang dibuat oleh Kerajaan ialah menetapkan rekabentuk dan keperluan asas dari segi kelengkapan dan kebersihan untuk chalet-chalet yang akan dibina khususnya melalui pinjaman Kerajaan seperti MARA dan Bank Pembangunan.

Selain daripada itu para pengusaha chalet juga diberi latihan melalui ceramah-ceramah dan seminar yang diadakan dari masa ke semasa bertujuan untuk menyedarkan mereka tentang perlunya dikekalkan kebersihan di kawasan chalet masing-masing dalam usaha menentukan chalet mereka sentiasa dikunjungi oleh para pelancong dan menjamin pendapatan yang baik daripada perusahaan chalet yang berkenaan.

INFRASTRUKTUR - MENINGKATKAN KEMUDAHAN

10. **Tuan Ng Peng Hay** minta Perdana Menteri selaku Pengerusi Pelaburan Kebangsaan menyatakan tindakan yang telah dan sedang dijalankan untuk mengadakan kemudahan infrastruktur, pengangkutan keretapi dan kontena, tenaga elektrik, talian telefon serta pembesaran pelabuhan yang sedia ada dalam usaha meningkatkan kemudahan pelaburan di seluruh negara.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan infrastruktur di Malaysia adalah di antara yang terbaik di rantau Asia Tenggara dan mampu untuk memenuhi keperluan semasa sama ada untuk tujuan domestik, perniagaan dan perindustrian. Namun demikian dalam usaha untuk menampung lebih banyak kemasukan pelaburan ke negara ini Kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan

beberapa projek infrastruktur yang baru di samping mempertingkatkan kualiti dan keupayaan infrastruktur yang sedia ada. Infrastruktur-infrastruktur yang diberi tumpuan utama pada ketika ini adalah pelabuhan, landasan keretapi dan juga rangkaian jalan utama.

Pembinaan pelabuhan baru di Pulau Lumut telah diluluskan bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan kendalian kontena di Pelabuhan Kelang. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 1993 dan beroperasi pada awal tahun 1994. Di samping itu, Pelabuhan Pasir Gudang di Johor akan diperbesarkan lagi bagi menambah keupayaan pengendalian berbagai jenis kargo termasuk kontena. Projek pembesaran Pelabuhan Pasir Gudang ini akan dijalankan dalam dua fasa di mana fasa 1 yang sedang dilaksanakan sekarang akan siap pada tahun 1993. Pembinaan Pelabuhan Kering di Ipoh, Perak telah siap dan beroperasi.

Kerajaan juga telah meluluskan perlaksanaan projek landasan keretapi berkembar yang menghubungkan di antara Rawang, Seremban dan Pelabuhan Kelang serta ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Peringkat pertama dari Rawang dengan Seremban telahpun dimulakan dan akan siap pada tahun 1993. Selaras dengan pelaksanaan projek ini juga KTM sedang mengambil tindakan bagi menambah bilangan stokereta iaitu gerabak kontena, set tren diesel dan lokomotif bagi meningkatkan keupayaan mengangkut.

Rangkaian-rangkaian jalan yang menjadi penyambung utama di antara kawasan-kawasan perindustrian dengan pelabuhan dan lapangan-terbang juga diberi perhatian. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan jalanraya baru dan memperluaskan jalan-jalan yang sedia ada. Di antara projek-projek baru yang akan dilaksanakan ialah pembinaan Lebuhraya Shah Alam dan jalan masuk ke Pulau Lumut, Selangor dan jalan-jalan yang akan diperluaskan termasuklah Lebuhraya II di antara Kelang ke persimpangan Lapanganterbang Subang.

Di samping projek-projek yang disebutkan, Kerajaan juga sedang merancang untuk menubuhkan kawasan-kawasan perindustrian baru di seluruh negara secara bersepadu. Kedudukan kawasan perindustrian yang tidak teratur sekarang menimbulkan masalah penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi. Penubuhan kawasan perindustrian secara bersepadu yang dirancang dengan teliti akan dapat mengatasi masalah gangguan dan tidak cukup bekalan sepertimana yang berlaku sekarang.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, sejauh manakah usaha-usaha dalam perancangan ini akan dapat mengatasi kemungkinan berlaku bottle-neck akibat daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat yang dijangka berterusan pada tahun-tahun akan datang, terutama sekali di kawasan-kawasan Pantai Barat dan di Selatan iaitu di Johor?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam projek-projek yang besar-besar yang disebutkan oleh saya tadi akan menentukan bahawa kita tidak akan menghadapi masalah-masalah. Selain daripada projek-projek yang saya sebutkan tadi, sememangnya pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan sedang dan akan terus mengkaji perkembangan dalam negara dan saya percaya kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu. Saya ingat ini boleh kita lihat dengan keadaan hingga kini kita tidak menghadapi masalah-masalah yang dihadapi oleh setengah-setengah negara. Beberapa tahun yang lalu kita dengar bahawa di Thailand seterusnya juga menghadapi masalah ini. Tetapi oleh kerana perancangan jangka panjang yang telah dibuat oleh Kerajaan secara berterusan, maka insya Allah, keadaan yang sama akan terus kekal di dalam negara ini.

**STATUS SEKOLAH BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH
BANTUAN PENUH - PERTUKARAN**

11. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan dalam menukar sekolah-sekolah di estet iaitu sekolah-sekolah bantuan modal ke sekolah-sekolah bantuan penuh; dan
 - (b) berapa banyakkah sekolah-sekolah bantuan modal itu telahpun ditukar menjadi sekolah-sekolah bantuan penuh sepanjang tahun 1990.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn] : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pertukaran status sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan, iaitu sekolah yang biasanya dikenali sebagai sekolah bantuan modal kepada

sekolah bantuan penuh milik Kerajaan adalah tertakluk kepada permohonan dan dipertimbangkan mengikut kes demi kes. Oleh itu, adalah sukar untuk memaklumkan masalah-masalah utama yang dihadapi dalam hal ini.

- (b) Sepanjang tahun 1990 tiada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bantuan modal yang ditukarkan kepada sekolah bantuan penuh.

KANSER - PENGESAHAN AWAL

12. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa pengesanan awal adalah kunci bagi peningkatan penyembuhan kanser, walaupun penyakit ini boleh membawa maut, adakah Kementeriannya mempunyai cadangan untuk melaksanakan satu "National Cancer Prevention Policy" untuk mengawal dan mencegah kanser termasuk mengadakan program didikan dan kesedaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sememangnya sedar bahawa pengesanan awal penyakit kanser dapat meningkatkan peluang pesakit-pesakit untuk sembuh. Pengesanan awal juga dapat mengurangkan jumlah kematian disebabkan oleh kanser.

Kementerian Kesihatan telah melaksanakan program-program panduan untuk mencegah serta mengawal kejadian kanser melalui polisi anti-merokok, polisi saringan kanser pangkal rahim menggunakan 'pap smear' serta polisi menggalakkan wanita-wanita memeriksa sendiri buah dada untuk mengesan kanser buah dada di peringkat awal.

Kementerian Kesihatan juga melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan, menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan kanser kepada orang awam. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan meningkatkan pengetahuan serta kesedaran orang awam tentang jenis-jenis serta tanda-tanda penyakit kanser, sebab-sebab terjadinya kanser serta cara-cara untuk mencegah penyakit kanser.

Sebagai tambahan, pihak Kementerian telah melatih kakitangannya untuk mempertingkatkan pengetahuan serta keupayaan di dalam tugas-tugas pengesanan, pengurusan serta rawatan penyakit kanser.

Kementerian Kesihatan juga akan melancarkan satu kempen menyedarkan orang ramai tentang kanser serta tindakan-tindakan yang mereka boleh ambil untuk mencegah penyakit kanser. Kempen ini ialah sebahagian daripada kempen menggalakkan gaya hidup sihat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kesihatan telah mewujudkan satu Daftar Kanser pada tahun 1987. Adalah diharapkan Daftar Kanser ini dapat memberikan maklumat-maklumat berkenaan kanser dengan lebih komprehensif dan tepat untuk membentuk satu program pencegahan dan kawalan kanser yang lebih berkesan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang. Saya ingin mengucapkan tahniah dengan rasa besar hati terutamanya daripada wanita di atas beberapa perkembangan sihat dan peningkatan kepekaan dalam masalah kanser, terutamanya penyaringan kanser cervic seperti yang disebutkan.

Soalan tambahan yang saya kemukakan ialah adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengadakan program mobile scanning car ataupun scanning car bergerak untuk memudahkan orang ramai daripada kawasan-kawasan yang berjauhan dengan hospital yang mempunyai alat-alat ini membuat penelitian, pengesanan kepada penyakit-penyakit berkenaan.

Yang kedua, kakitangan yang dikatakan sedang dilatih tadi berapa ramai, berapa jumlahnya dan adakah dijangka mencukupi untuk mencukupi ke semua keperluan peningkatan kanser yang kian bertambah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat kini, pihak Kementerian Kesihatan telah sedia berkhidmat untuk memberi perkhidmatan mengesan kanser di semua hospital dan pusat kesihatan termasuk pusat kesihatan di luar bandar. Maka dianggap perkhidmatan itu adalah mencukupi sekiranya seseorang penduduk mahupun dari luar bandar atau dari bandar pergi ke hospital atau pusat kesihatan untuk menjalankan perkhidmatan pengesanan, umpamanya sebagai contoh, ujian 'pap smear' walaupun kalau sekiranya kita adakan satu mobile unit, keputusannya masih kena dihantar kepada Hospital Besar di Kuala Lumpur. Jadi, kesannya sama dengan pergi kepada pusat kesihatan.

Untuk soalan yang kedua, berapakah kakitangan yang akan dilatih untuk maksud ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seperti masalah-masalah yang di hadapi dalam bidang-bidang pakar yang lain, Kementerian masih menghadapi kekurangan kakitangan dari segi misalnya juruteknik makmal perubatan. Itu adalah satu bidang di mana Kementerian Kesihatan sedang bukan sahaja cuba tambahkan latihan, juga memberikan kursus untuk kakitangan yang sedia ada untuk menjalankan kerja itu. Saya ingin minta maaf kerana tidak dapat memberi angka yang tepat, tetapi akan diberi secara bertulis.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan apakah punca utama yang menyebabkan seseorang itu terkena kanser?

Tuan Ong Ka Ting: Ini adalah satu soalan yang sangat pakar, sebab saya bukan seorang doktor. Walau bagaimanapun apa yang penting ialah kalau seseorang itu mendapat kanser, yang penting ialah dikesan pada peringkat awal supaya sesuatu boleh dilakukan. Untuk mengelakkan berlakunya kanser, salah satu perkara yang kita boleh buat ialah seperti yang saya terangkan tadi, misalnya jangan merokok dan sebagainya. Itu adalah salah satu daripada beberapa langkah yang dapat mengurangkan kemungkinan mendapat kanser, Sebab-sebab sebenarnya dari segi perubatan memang tidak dapat saya beri dengan tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat David Yeoh Eng Hack.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No .13.

RACUN SERANGGA - PENGGUNAAN

13. **Puan Law Jack Yoon (di bawah S.O 23(2))** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah mengawal dengan secukupnya penggunaan racun serangga di bidang pertanian dari masa ke semasa kerana racun serangga kalau tidak digunakan dengan betul boleh membahayakan nyawa manusia;
- (b) sama ada langkah telah diambil untuk mendidik para petani yang kerap menggunakan racun serangga dalam hasil pertanian mereka; dan
- (c) jumlah kemalangan yang berlaku berpunca dari penyalahgunaan racun serangga sejak 2 tahun yang lepas .

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua,
bagi menjawab soalan:

(a) di Malaysia racun perosak adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974. Setakat ini sebanyak empat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah utama di bawah Akta tersebut telah dilaksanakan untuk:

- (i) mengawal pengimportan, pengilangan dan penjualan melalui pendaftaran;
- (ii) mengawal pengimportan untuk tujuan pelajaran dan penyelidikan;
- (iii) mengawal pelebalan racun perosak yang dijual di pasaran; dan
- (iv) mengawal premis-pranis yang menjual dan menyimpan racun perosak untuk jualan melalui pelesenan.

Kerajaan mengawal penggunaan racun serangga melalui Pendaftaran Racun Makhluk Perosak. Pendaftaran adalah merupakan kebenaran rasmi daripada Lembaga Racun Makhluk Perosak kepada syarikat-syarikat yang mengimport dan mengilang racun perosak. Sebelum sesuatu racun perosak itu didaftarkan ia akan dinilai dari segi perumusan, kemujarapan, sisa baki, keracunan dan sebagainya bagi memastikan mutu dan keberkesannya terjamin di samping tidak mendatangkan kesan bahaya kepada manusia dan alam sekitar keseluruhannya.

Racun perosak yang didaftarkan pula dimestikan mematuhi kehendak peraturan pelabelan di mana antara maklumat penting yang dinyatakan di atas labelnya ialah cara mengguna, rawatan perubatan tanda ter-kena racun perosak, rawatan kecemasan jika berlaku keracunan dan jangka masa sebelum mengutip hasil. Ini ialah bagi memastikan para pengguna tahu cara menggunakannya serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil semasa mengendalikannya.

(b) Kementerian Pertanian memang menyedari bahawa pendidikan dan latihan dalam bidang penggunaan racun makhluk perosak secara selamat adalah sangat penting. Sehubungan dengan itu, satu kempen yang bertemakan "Penggunaan racun perosak secara selamat" telah dilancarkan pada tahun 1984.

Beberapa strategi termasuk latihan, ceramah, pameran dan publisiti melalui media massa telah digunakan bagi mencapai matlamat kempen tersebut. Di samping itu, penggunaan racun dengan selamat juga menjadi tajuk penting dalam aktiviti khidmat nasihat dalam program pengembangan pertanian. Setakat ini ceramah dan latihan telah diberi kepada beberapa golongan sasar iaitu petani dan juga Pegawai-pegawai Pengembangan di peringkat kawasan. Di samping itu ceramah dan latihan juga diberi kepada pekerja-pekerja ladang oleh pegawai Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW), FELDA, FELCRA dan agensi-agensi lain.

Jabatan Pertanian telah dan akan terus mengambil bahagian di dalam pameran di peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menyedarkan orang ramai betapa pentingnya mengguna dan mengendalikan racun perosak secara selamat. Poster dan risalah mengenai perkara ini telah dan akan terus disebar-kan kepada petani dan pekerja ladang.

Bagi menjawab soalan terakhir, soalan (c) ,

- (c) Berdasarkan kepada statistik daripada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1989 sebanyak 448 kes kemalangan dan keracunan semasa bekerja yang melibatkan racun perosak telah dirujuk ke hospital Kerajaan di seluruh negara. Bagi tahun 1990 pula sebanyak 289 kes yang sama telah dilaporkan sehingga bulan Oktober.

YANG DI-PERTUA MAJLIS PERBANDARAN - PERLANTIKAN

14. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya semua Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis Perbandaran dilantik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dari tokoh Pemimpin-pemimpin tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976, perlantikan Yang di-Pertua Pihak-pihak Berkuasa Tempatan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai kuasa dalam hal perlantikan Yang di-Pertua Majlis-majlis Perbandaran. Walau bagaimanapun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mencadangkan garis panduan mengenai perlantikan Yang di-Pertua Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah dan cadangan Yang Berhormat itu akan diberikan perhatian.

Selain dari itu Akta Kerajaan Tempatan membolehkan sebahagian kecil daripada ahli-ahli Majlis dilantik dari mereka yang tidak bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

JURURAWAT - PAKAIAN SERAGAM CARA ISLAM

15. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah agaknya pakaian jururawat cara Islam yang lengkap dapat digunakan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya suka manaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa kini Kementerian Kesihatan tidak ada apa-apa rancangan untuk menukarkan pakaian seragam jururawat yang sedia ada.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pernah pihak Persatuan Jururawat ataupun kumpulan-kumpulan wanita dari hospital mengemukakan perkara ini kepada pihak Kementerian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang dari semasa ke semasa Persatuan ataupun Pertubuhan Kakitangan Perubatan berdialog dan berjumpa dengan pihak Kementerian untuk membincangkan banyak perkara. Saya rasa ini adalah antara satu daripada banyak perkara yang telah dibincangkan.

ASKAR TETAP/WATANIAH - SOKONGAN SWASTA

16. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang sejauhmanakah sokongan pihak swasta terhadap program nisbah di atas satu askar tetap dan tiga askar wataniah (sukarela).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pertahanan, inginlah saya menjawab bahawa perkara ini yang lebih kurang sama dengan pertanyaan pada 18.12.90 telahpun dijawab. Dengan itu pihak Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

KEMUDAHAN ASAS DI LUAR BANDAR

17. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah pihak Kementerian sedar bahawa 40% penduduk-penduduk luar bandar tidak mendapat kemudahan asas yang cukup seperti air bersih, jalan tar, kemudahan kesihatan, pengangkutan, tandas, telefon dan sebagainya. Apakah langkah perlu yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini;

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa 40% penduduk-penduduk Melayu luar bandar tidak mendapat kemudahan-kemudahan asas yang cukup seperti bekalan air, elektrik dan jalan tar.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 1990, kira-kira 91% penduduk luar bandar di Semenanjung dijangka akan menikmati bekalan elektrik sementara kira-kira 76% dijangka menikmati bekalan air bersih. Adalah juga dijangkakan menjelang akhir tahun 1990, sepanjang 14,914.2 kilometer jalan kampung akan dinaikkan taraf ke jalan tar dan dijangka 65% kampung-kampung di Semenanjung akan dapat menikmati kemudahan ini.

Bagi mencapai matlamat liputan bekalan elektrik luar bandar, air luar bandar dan kemudahan jalan tar yang lebih luas, beberapa langkah telah dan sedang diambil, antaranya:

- (i) mendapatkan peruntukan yang lebih besar di bawah Rancangan Malaysia Keenam;
- (ii) menyediakan infrastruktur pembekalan elektrik yang perlu bagi menambah dan meningkatkan rangkaian bekalan untuk membolehkan bekalan yang sempurna diberikan kepada pengguna-pengguna luar bandar;
- (iii) membina pencawang-pencawang dan stesen janaelektrik disel luar bandar serta kerja-kerja penyambungan talian untuk kampung-kampung yang jauh dari punca bekalan;

- (iv) meningkat dan membaiki mutu kuasa elektrik dari punca-punca sedia ada melalui penambahan bebanan kuasa dan penukaran kabel supaya bekalan yang terjamin dan cukup dapat disediakan;
- (v) membangunkan sistem kuasa alternatif seperti tenaga suria, mikro-hidro, tenaga air/ombak dan sistem hybrid khususnya bagi kampung-kampung terpencil;
- (vi) memperbanyakkan sambungan bekalan air ke kampung-kampung dan bagi meneruskan pembinaan loji-loji dan booster pump dan pembangunan punca-punca bekalan air baru;

- (vii) mengenalpasti dan membuat bancian semula jalan-jalan yang masih belum di tar; dan
- (viii) mengkaji kaedah-kaedah alternatif untuk meningkatkan mutu dan keupayaan dalam pembinaan jalan-jalan tar.

Mengenai kemudahan kesihatan, tandas dan telefon, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang mempertingkatkan usaha-usaha mereka untuk menambah kemudahan-kemudahan tersebut di kawasan luar bandar.

PENDATANG TANPA IZIN

Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram yang berada di negara ini ;
- (b) apakah benar ada di antara mereka telah diberi taraf bermastautin dan kewarganegaraan Malaysia; dan
- (c) kejayaan yang telah dicapai dalam usaha membentasi kegiatan sindiket-sindiket yang menyeludup pendatang haram ke Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak dapat memastikan jumlah pendatang tanpa izin di negara ini kerana kemasukan mereka ke negara ini adalah secara tidak teratur .

- (b) Kerajaan juga tidak dapat memberi taraf sebagai penduduk tetap dan warganegara negara ini memandangkan kemasukan mereka adalah tidak mengikut undang-undang.
- (c) Dalam usaha membanteras kegiatan sindiket-sindiket yang membawa masuk pendatang tanpa izin ke negara ini, pihak Polis dan pihak Imigresen sentiasa mengambil tindakan mengesan dan menangkap mereka yang terlibat dalam membawa masuk atau melindungi pendatang tanpa izin ini.

PELABURAN ASING - JUMLAH MODAL

19. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan penanaman modal pelaburan asing dalam tiga bulan kebelakangan ini (Ogos hingga Oktober 1990). Harap beri pecahan mengikut negeri-negeri dan jumlah pelaburannya .

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K. S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tiga bulan kebelakangan ini (Ogos hingga Oktober 1990), jumlah modal pelaburan asing yang diluluskan adalah \$3,.678.3 juta iaitu 95.451 dari jumlah pelaburan modal.

Pelaburan asing yang terbesar sekali bagi tempoh tersebut adalah:

Negara	Jumlah Pelaburan
Jepun	- \$1,881.6 juta
Taiwan	- \$564.0 juta
United Kingdom	- \$370.9 juta
Singapura	- \$266.0 juta
Amerika Syarikat	- \$198.7 juta dan;
India	- \$145.5 juta.

Jumlah pelaburan asing dari keenam-enam negara tersebut adalah \$3,426.7 juta iaitu 93.1% dari jumlah pelaburan modal asing.

Bagi pecahan mengikut negeri, pelaburan asing yang terbesar adalah;

Negeri	Jumlah Pelaburan
Selangor	- \$949.7 juta
Terengganu	- \$706.5 juta
Johor	- \$590.5 dan;
Pulau Pinang	- \$441 juta.

Ini diikuti dengan negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soalan sudah cukup. Sekarang kita terus pergi ke aturan yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 23 adalah diberi di bawah ini]

KRISIS TELUK - KESAN EKONOMI

20. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada anggapan pelabur-pelabur ekonomi Krisis Teluk akan mengancam kestabilan ekonomi negara kita. Jika benar apakah tindakan Kementerian supaya kerungsingan pekilang-pekilang berhubungan dengan kemungkinan kenaikan harga minyak dapat dihapuskan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Krisis Teluk memang akan memberi kesan kepada kestabilan ekonomi semua negara. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka Malaysia tidak boleh mengelakkan diri dari apa-apa kesan kejadian antarabangsa seperti Krisis Teluk. Namun demikian Kerajaan sedang dan akan terus berusaha untuk mengurangkan impak Krisis Teluk ke atas kestabilan ekonomi negara kita. Langkah-langkah seperti memperbaiki iklim pelaburan negara melalui strategi-strategi penggalakan pelaburan yang liberal dan pragmatik, memperbaiki infrastruktur pelaburan dan mengurangkan kerenah-kerenah birokratik berhubungan dengan kelulusan projek pelaburan akan diteruskan.

Di samping itu, Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport minyak, dan kita juga telah mendapat faedah daripada Krisis Teluk iaitu daripada kenaikan harga minyak dan dengan pertambahan pendapatan negara. Kerajaan dapat melaksanakan berbagai program pembangunan yang akan memudahkan lagi pembangunan sektor perkilangan tempatan.

Apa yang diperlukan sekarang ini adalah kepekaan pengilang tentang implikasi perkembangan krisis ini kepada mereka. Mereka hendaklah mengambil inisiatif untuk mengurangkan kos komponen yang terbit daripada petroleum melalui beberapa langkah seperti mengubahsuai proses pengilangan mereka atau meningkatkan produktiviti supaya barangan mereka terus kompetitif dalam pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

PELAJAR BAHASA TAMIL DI SEKOLAH MENENGAH

21. Tuan P. Balaram minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pelajar-pelajar yang belajar Bahasa Tamil (P.O.L.) di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara dan berapa ramaikah guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah; dan
- (b) jika bilangan guru tidak seimbang dengan bilangan pelajar adakah Kementerian Pendidikan bercadang hendak menambahkan guru-guru pelatih khas untuk mengajar Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan pelajar-pelajar yang belajar Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara ialah 48,508 orang. Manakala bilangan guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah berjumlah 1,143 orang.

- (b) Dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan memang berusaha menambah guru-guru terlatih serta meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah. Pada tahun 1990, Kementerian telah melatih 30 orang guru pelatih yang dilatih khas untuk mengajar Bahasa Tamil di sekolah menengah dan mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan kepada 20 orang guru Bahasa Tamil yang sedang berkhidmat. Di samping itu, mulai tahun 1991, Bahagian Pendidikan Guru juga akan mengambil 20 orang lagi untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Pengajian Tamil (KPLI/PT).

PEKERJA KILANG PROTON DI SHAH ALAM

22. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai pekerja kilang Proton di Shah Alam; dan
- (b) berapa ramai pula jumlah wakil penjual kereta Proton Saga di seluruh negara dengan menyatakan jumlah mengikut negeri.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar;

Jumlah pekerja di kilang Proton di Shah Alam pada 30 Oktober 1990 adalah seramai 2,824 orang.

Pada masa sekarang jumlah wakil penjual kereta Proton Saga di seluruh negara adalah sebanyak 105 wakil dan jumlahnya mengikut negeri adalah seperti berikut:-

	Negeri	Bilangan
1.	Wilayah Persekutuan	- 16
2.	Selangor	- 12
3.	Negeri Sembilan	- 7
4.	Melaka	- 4
5.	Johor	- 11
6.	Pahang	- 5
7.	Terengganu	- 9
8.	Kelantan	- 6
9.	Perak	- 6
10.	Pulau Pinang	- 6
11.	Kedah	- 7
12.	Perlis	- 1
13.	Sabah	- 6
14.	Sarawak	- 9

DUTA BESAR MALAYSIA DI IRAQ

23. **Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah Duta Besar Malaysia di Iraq diberi cuti semasa krisis Teluk berlaku sedangkan kehadiran Duta Besar itu adalah sangat dikehendaki oleh warganegara Malaysia di Iraq.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Duta Besar Malaysia di Iraq telah diluluskan bercuti di Malaysia mulai daripada 22 Julai hingga 20 Ogos, 1990, iaitu sebelum krisis Teluk meletus. Walau bagaimanapun sebaik sahaja krisis tersebut berlaku, tanpa berlengah beliau telah pulang segera ke Baghdad untuk menguruskan penghantaran pulang rakyat Malaysia yang terkandas di Kuwait dan Iraq.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M.
SERI PADURA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula peribahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan. **[18hb Disember, 1990]**

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Senator sejak 17hb Disember 1990 pada hari ini. Tetapi oleh kerana ada banyak lagi yang ingin berucap dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Di Raja, maka saya sakarang membenarkan 8 orang Ahli itu meneruskan ucapan mereka iaitu mereka yang telah pun memberi nama-nama mereka semalam selain daripada orang yang masih berucap. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay menyambung ucapannya. Sila ringkaskan ucapan.

3.35 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya terus menyambung ucapan saya dalam menyokong Usul.

Mereka ini menabur fitnah, menimbulkan isu-isu yang tidak wujud semata-mata untuk memenangi pilihanraya umum yang lalu. Begitu juga

apa yang berlaku di kawasan bandar dan di pinggir bandar. Segolongan daripada penduduk tersebut tidak begitu peka terhadap dasar-dasar Kerajaan kerana mereka terlalu sibuk dengan urusan harian mereka. Terlalu sedikit atau hampir tiada langsung masa mereka untuk memikirkan masalah-masalah negara.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya suka dengan menggunakan Dewan yang mulia iai mencadangkan bahawa untuk memupuk semangat ke Malaysiaan dan semangat patriotik yang tulen, maka saya fikir ada baiknya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mewujudkan semula Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat yang satu masa dahulu sangat berkesan khasnya bagi penduduk dalam bandar. Dengan adanya Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat akan memainkan peranan bagi pihak Kerajaan. Juga bagi badan yang ditubuhkan ini akan menjadikan satu forum untuk penduduk-penduduk dalam bandar menyampaikan hasrat dan pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, juga di dalam Dewan yang mulia petang ini, saya suka menimbulkan berkenaan dengan pendidikan. Bahawa saya ingin menarik perhatian persidangan Dewan ini iaitu berhubung dengan murid yang berjaya mendapat 6A, dengan izin, 6 Distinction dalam UPSR bagi penuntut Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tahun 1990 yang menduduki Tingkatan I tahun ini. Isu penuntut ini untuk terus ke Tingkatan I tidak ke Tingkatan Peralihan telah hangat dipertikaikan oleh ibu bapa yang terlibat. Mereka rasa amat

terkejut tentang perubahan dasar Kementerian Pendidikan pada tahun ini. Kalangan ibu bapa kecewa dengan tindakan Kementerian Pendidikan yang membuat pengumuman perubahan dasar tersebut selepas keputusan UPSR dikeluarkan ataupun diumumkan. Para ibu bapa yang berasa terkilan kerana anak-anak mereka dipaksa untuk menguji semula satu kertas khas iaitu Ujian Semula dalam Bahasa Malaysia. Dan mengikut keputusan selepas ujian seramai 1,281 orang penuntut yang menyertai Ujian Semula Bahasa Malaysia ini hanya 34% yang lulus iaitu lebih kurang hanya 430 lebih orang penuntut dapat dimasukkan ke Tingkatan I.

Jadi, saya berpendapat tindakan yang dibuat oleh pihak Kementerian adalah tidak adil dan melemahkan semangat murid-murid untuk berlumba-lumba mendapatkan tahap yang tertinggi dalam UPSR.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa perubahan ini dibuat tanpa mengikut perancangan dan perbincangan. Adalah amat malang perubahan dasar seperti ini tidak diketahui oleh beberapa pihak yang tertentu yang sepatutnya lebih mengetahui dan dibawa berunding bersama. Di sini jelas kemungkinan rundingan tidak disampaikan ke peringkat Kabinet. Sebagai bukti kenyataan yang dikeluarkan atau disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan adalah bertentangan. Maka saya berharap segala dasar yang akan dipinda sepatutnya berunding dengan orang-orang yang berkenaan khususnya dalam Kementerian ataupun melalui peringkat Kabinet supaya tidak menjadikan satu isu di kalangan ibu bapa ataupun di masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap menafikan dakwaan ibu bapa yang menuduh bahawa MCA terlibat sama dalam perubahan dasar **ini**. Walau apapun pihak MCA dengan melalui Timbalan Menterinya **iaitu** Yang Berhormat Dr. Fong Chan Onn, Timbalan Menteri Pendidikan akan berusaha sedaya upaya agar perubahan dapat diselesaikan tanpa isu-isu yang boleh mengeruhkan suasana. Memanglah telah menjadi lumrah parti Pembangkang khasnya DAP mencari publisiti murah "menangguk di air yang keruh". Saya menyeru bahawa ibu bapa tidak perlu bimbang bahawa pihak MCA akan membuat sesuatu yang baik untuk ibu bapa.

Penyelesaian secara flexible akan diusahakan bersungguh-sungguh. Kita akan bertindak mengikut lunas-lunas dan cara Barisan Nasional yang mempunyai konsep kita sendiri. Kita tidak mengikut tabiat ayam jantan, berkokok sahaja berderai-derai seperti DAP. Kita dalam Barisan Nasional akan mengadakan formula kita sendiri. Saya lagi sekali menyeru ibu bapa daripada pelajar-pelajar terlibat supaya menyerahkan perkara ini dan dengan memberi keyakinan penuh kepada satu penyelesaian yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini suka juga saya menimbulkan sedikit perkara berkenaan dengan dasar ekuiti berkaitan dengan pelaburan-pelaburan baru, iaitu dasar ini telah dikuatkuasakan ataupun dimulakan mulai daripada 1hb Oktober 1986 hingga 31 Disember 1990, iaitu di bawah Industrial Co-ordination Act, dengan izin dan kira-kiranya daripada hari ini cuma tinggal lebih kurang setengah bulan untuk pelabur-pelabur yang minat menyampaikan permohonan mereka kepada pihak MIDA, maka masanya adalah sangat singkat dan saya berharap Kementerian yang berkenaan dan juga pihak MIDA akan menyampaikan pandangan daripada setengah-setengah pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur asing supaya Kerajaan kita akan menimbang semula untuk melanjutkan lagi iaitu kelonggaran dalam dasar ekuiti berkaitan dengan pelaburan-pelaburan yang telah dikuatkuasakan daripada 1 Oktober 1986 hingga 31 Disember 1990. Mereka berharap pihak MIDA dan Kerajaan kita akan dapat melanjutkan tempoh ini kerana ada banyak lagi kes-kes pelaburan sedang dirunding dan sedang disampaikan kepada pihak MIDA.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu pelaburan, saya suka membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa menurut pihak MIDA dalam bulan Januari tahun ini hingga September, jumlah pelaburan

atau pun projek-projek yang telah diluluskan dengan penyertaan ekuiti daripada negara asing, apa yang saya dapat daripada pihak MIDA, iaitu sebilangan 586 projek telah diluluskan dalam tempoh sembilan bulan pada tahun ini yang mana pihak pelabur asing daripada Taiwan sebanyak 201 projek ataupun merupakan 35.6% dan pelaburan daripada Singapura pula iaitu 104 projek atau pun merupakan 17% dan daripada pelabur Jepun pula mempunyai 94 projek ataupun merupakan 16%.

Saya bawakan angka ini kerana pelabur-pelabur daripada Taiwan nampaknya meningkat dan mengikut laporan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan tadi telahpun menyebutkan pelabur-pelabur Taiwan dalam negara kita ini telah menduduki tempat yang kedua, bilangan yang kedua terbanyak sekali dalam negara kita dan ada ramai lagi pelabur-pelabur Taiwan yang masih minat datang ke negara kita ini kerana kestabilan politik negara kita dan juga kerana sikap Kerajaan kita dan juga kerana sikap pegawai-pegawai Kerajaan yang sanggup membantu mereka.

Saya sebagai seorang penyelaras pelaburan bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka yang menjaga bahagian 'Mandarin speaking', dengan izin maka saya suka meminta perhatian Kerajaan kita, iaitu Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Perindustrian telah membuat pengumuman beberapa kali semasa menjalankan seminar promosi di Taiwan bahawa Kerajaan kita akan menghapuskan atau pun mengecualikan semua pelawat-pelawat, pelancong-pelancong ataupun pelabur-pelabur daripada Taiwan yang ingin melawat ke Malaysia tanpa memohon visa, tetapi sehingga hari ini kemungkinan arahan ataupun dasar ini belum dapat diberi arahan kepada pegawai-pegawai dalam peringkat perintah, maka pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong Taiwan masih perlu memohon visa sekiranya mereka ingin melawat ke Malaysia atau

pun sekiranya mereka ingin datang membuat lawatan, satu kajian untuk melabur di negara kita.

Saya sebut masalah berkenaan visa bukan kerana pegawai kita yang ada di Taipeh tidak bekerjasama. Sebenarnya pihak MSTC di Taipeh bekerjasama dan memberi sokongan kepada sesiapa yang hendak mohon visa. Apa yang saya difahamkan dalam tempoh 24 jam, seseorang Taiwan ataupun seorang pelabur Taiwan yang ingin datang ke Malaysia boleh memperoleh visa mereka. Apa yang mereka hadapi ialah daripada pelabur Taiwan yang mengadu kepada pihak kami ialah buku visa itu terlalu nipis dan bila keluar masuk daripada Malaysia ini tidak sampai empat kali visa yang tebal lebih kurang tiga muka ini telah habis dan menjadikan satu permohonan ataupun satu perkara yang tidak menyenangkan mereka. Maka pihak beberapa orang pelabur Taiwan telah memohon supaya kalau Kerajaan dapat menghapuskan atau mengecualikan mereka dengan menggunakan visa semasa melawat ke Malaysia, maka saya yakin lebih ramai lagi pelabur-pelabur daripada Taiwan akan datang melawat ke Malaysia dan terus melabur.

Kalau sekiranya negara-negara jiran kita seperti Singapura, Indonesia dan Thailand tidak perlu mengadakan visa bagi pelabur-pelabur Taiwan, kenapa kita tidak boleh mengikut sedemikian dan saya memandangkan bahawa pada setakat ini Malaysia sedang bersaing dengan Thailand, Indonesia untuk menarik pelabur-pelabur daripada Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak MIDA yang telah begitu cekap menjalankan tugas memainkan peranan menyelaraskan dengan semua Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kastam, Imigresen, Treasury dan lain-lain yang telah menarik begitu banyak pelabur-pelabur asing

ke negara kita dan tidak dapat dinafikan bahawa sehingga peringkat ini, iaitu kami telah mendapat banyak aduan ataupun pandangan daripada pelabur-pelabur semasa kami menjalankan seminar promosi di seberang laut bahawa di setengah-setengah kawasan di negara kita menghadapi kekurangan pekerja khususnya pekerja-pekerja wanita dan saya suka menyeru ataupun merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kerajaan kita supaya mengadakan rancangan untuk mengatasi masalah ini.

Sebagai seorang wakil daripada negeri Melaka, kami boleh mengatasi masalah kekurangan penghijrah wanita untuk peringkat negeri Melaka. Oleh yang demikian, kalau sesiapa yang minat melabur tidak dapat kerja, kami mengalukan datang ke Melaka. Lagi pun baru-baru ini kami telah mendapati bahawa pihak Kerajaan PAS di Kelantan menghalang pekerja-pekerja wanita untuk bekerja di kilang waktu malam dan saya mendapati dan saya telahpun ditanya oleh beberapa kilang khususnya pelabur-pelabur daripada Jepun yang merasa kluatir dan kepada yang ada kilang di Kelantan telah kluatir kerana kilang mereka akan ditutup ataupun akan mengurangkan produktiviti sekiranya pekerja-pekerja wanita tidak dapat bekerja di waktu malam khususnya kepada kilang-kilang yang majoritinya pekerja-pekerja wanita.

Jika sekiranya kilang-kilang yang menghadapi masalah yang mana pekerja-pekerja wanita tidak dibenarkan bekerja waktu malam dan pelabur-pelabur ini ingin memindahkan kilang, sebagai wakil dari Melaka kami mengalukan mereka datang ke Melaka melabur dan pindahkan kilang ke Melaka. Bukan sahaja kami mengalu-alukan kedatangan kilang itu pindah ke Melaka, kami akan memberi bantuan secara mana yang boleh. Juga kami bercadang mengimport ataupun memindahkan

pekerja-pekerja wanita daripada Kelantan yang berminat bekerja di Melaka, kami sanggup memberikan asrama tempat penginapan untuk mereka. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu berkenaan dengan tenaga mahir. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia semalam bahawa sejumlah 57,395 orang telah mendaftar dalam jawatan yang berkenaan untuk mencari pekerjaan. Sebenarnya apa yang telah diakui oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia bahawa jumlah 57,395 orang ini adalah yang telah mempunyai pekerjaan. Mereka cuma mencari untuk mendapatkan pekerjaan ataupun offer, ataupun tawaran yang lebih baik. Sebenarnya dalam pengalaman saya, nama-nama yang didaftarkan melalui Kementerian Sumber Manusia di Jabatan-jabatan peringkat negeri, apabila kami mendapat senarai itu dan memanggil temuduga, yang hadir datang untuk temuduga cuma kurang daripada 3% dan satu masalah yang dihadapi juga oleh pekerja-pekerja yang mahir.

Maka saya suka dengan ini mencadangkan kepada Kementerian Sumber Tenaga mengadakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang. Jangka pendek macam mana cara mengatasi kekurangan tenaga mahir dan jangka panjang untuk macam mana mengatasi kekurangan ini, sama ada hendak kita import ataupun macam mana cara mengissuekan lebih banyak lagi pas-pas pengajian kepada tenaga-tenaga yang mahir untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang sedia ada pada masa kini.

Untuk mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pihak kami iaitu daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah bekerjasama dengan Malaysian Textiles Manufacturing Association (MTMA) sedang menjalankan satu projek atau program, iaitu satu kursus latihan sambil bekerja untuk kaum wanita di luar bandar. Kami telah mencadangkan projek ini iaitu yang mana kami akan menggunakan Pusat Latihan KEMAS dan pihak-pihak pekilang, khususnya daripada Government industry dan APARA, dengan izin, telah membekalkan ataupun menyumbangkan mesin-mesin jahit dan lain-lain mesin kepada Pusat Latihan KEMAS dan menjalankan latihan kepada wanita-wanita di luar bandar. Dengan cara itu, kami berharap akan mengatasi melatih tenaga-tenaga yang lebih mahir. Kami berharap cadangan kursus atau projek ini akan dapat sokongan daripada Kementerian Luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh, menyokong dan mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu Dato' Seri Dr Mahathir berhubung dengan ura-ura hendak menubuhkan pasaran Asia, bagi negara-negara membangun. Kedudukan pasaran tersebut akan memberi peluang yang amat cerah kepada pelabur-pelabur

di Malaysia, baik pelabur tempatan ataupun pelabur asing. Dengan ini sekaligus membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat, khususnya belia-belia kita yang menganggur. Semoga usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu akan menjadi kenyataan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menimbulkan pelaburan tadi, saya juga meminta Kerajaan kita mengambil perhatian tentang kemudahan infrastruktur yang mana kami mendapati bahawa ada setengah-setengah kawasan di negara kita ini kerana infrastruktur kekurangan dan pelaksanaannya itu terlalu lewat, maka telah mewujudkan atau menjadikan satu keadaan di mana ada setengah-setengah kilang telah siap dibina tetapi tidak mendapat bekalan api dan air. Maka saya berharap Kementerian yang berkenaan ataupun Kerajaan Pusat yang mana satu Jawatankuasa Kabinet Pelaburan Kebangsaan telah ditubuhkan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengambil perhatian untuk meningkat dan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan melaksanakan dengan cepat selaras dengan peningkatan pelaburan-pelaburan yang masuk ke negara kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat. Bolehkah habiskan ucapan dalam satu minit, kerana ada ramai lagi yang hendak bercakap.

Tuan Ng Peng Hay: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak simpulkan dan ringkaskan dua perkara lagi.

Satu perkara lagi yang ingin saya bawa ke dalam Dewan ini. Ini satu perkara yang penting pada pandangan kami iaitu berkenaan dengan pihak Bank Negara yang mana pihak Bank Negara telah menghadkan

pinjaman kepada warganegara asing untuk membeli harta dengan tujuan menyekat spekulasi. Saya menyokong tindakan ini, tetapi yang menjadi persoalan saya bahawa perubahan peraturan Bank Negara berlaku dua kali dalam masa 9 bulan dalam tahun ini. Pada awal tahun 1990 (tahun ini), pihak Bank Negara telah mengeluarkan arahan bahawa warganegara asing dan pelabur asing dibenarkan membuat pinjaman untuk membeli harta tanah, tetapi arahan yang dikeluarkan pada bulan Mac, tahun ini hanya had pinjaman kepada 50% sahaja, dengan bayaran semula dalam tempoh 3 tahun. Arahan terakhir yang dikeluarkan pada 19hb November tahun ini kepada warganegara asing bahawa pinjaman hanya dibenarkan untuk pembangunan hotel dan industri.

Tindakan Bank Negara ini menjadikan masalah kepada pelabur yang mana telah memproses beberapa rancangan dan di antaranya telahpun memulakan projek mendirikan asrama jenis pangsapuri untuk pekerja. Walaupun pada dasarnya tindakan Bank Negara itu adalah baik, tetapi haruslah dikaji semula implikasinya. Perubahan dan pindaan peraturan Bank Negara itu akan lebih merumitkan pelabur. Apa yang diharapkan agar arahan Bank Negara itu dapat dikaji semula demi memberi kemudahan bukan sahaja kepada pelabur tetapi juga kepada tenaga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menimbulkan berkenaan dengan satu perkara iaitu ada berkaitan dengan pihak receivership, dengan izin, atau penerima-penerima. Saya timbulkan perkara ini kerana negara kita pada satu masa yang mana ekonomi negara kita merosot, iaitu pada tahun 1983, 1984 ataupun 1985 bahawa ada setengah-setengah projek perumahan dan setengah-setengah projek telah terbengkalai ataupun projek-projek telah diambilalih dengan secara receivership, dengan izin. Akhir-akhir ini saya telah

mendapat beberapa aduan terhadap receivers yang mana peranan mereka mainkan telah mengelirukan. Saya sendiri sebagai Penyelaras Pelaburan di negeri Melaka sesungguhnya berasa ragu tentang peranan dan tanggungjawab penerima ataupun, dengan izin, receiver tersebut, sebab dalam beberapa tindakannya sama ada mereka melindungi pihak pemegang saham syarikat tersebut, creditor, bank atau pekerja. Dalam pengalaman saya, spekulasi akan berlaku apabila terdapat tawaran hendak membeli sesuatu projek yang terbengkalai. Dalam keadaan demikian harga akan terus melambung begitu tinggi, keadaan tekanan ini penerima mempunyai tujuan tertentu untuk kepentingan mereka.

Saya rasa tidak perlu saya menjelaskan apa yang di sebalik taktik yang dilakukan oleh setengah-setengah receiver itu, Saya telah meninjau kebanyakan kes, usaha memulihkan projek terbengkalai selalu menemui kebuntuan dan tidak dapat dipulihkan kerana helah yang dilakukan oleh sesetengah receiver. Dalam keadaan demikian, apabila projek masih tidak dapat dipulihkan, maka yang menjadi mangsa ialah pembeli-pembeli rumah. Saya sebut demikian kerana pengalaman saya dalam setengah-setengah projek perumahan yang terbengkalai yang mana di bawah receivership dan ada setengah-setengah pihak dengan usaha Kerajaan ingin mengambilalih projek perumahan dengan tujuan membantu pembeli-pembeli rumah, maka receiver sentiasa tidak mahu bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa agar pihak Kementerian terlibat mengkaji semula status penerima ataupun, dengan izin, receiver yang diamanahkan itu. Sebagai contoh, di Melaka sahaja ada tiga buah hotel yang telah mengalami hal akibat tindak-tanduk receivership yang agak begitu rumit untuk dilepaskan oleh receiver. Bukan kerana di Melaka ini tidak ada pelancong-pelancong.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, hotel-hotel yang ada di Melaka pada setakat ini boleh dikatakan empat hari dalam seminggu mempunyai pelancong-pelancong yang meningkat seratus peratus sehingga kadangkala tidak dapat menyewakan bilik dan sehinggakan bilik-bilik yang kecil itupun telah diisi penuh oleh pelancong-pelancong yang melawat. Maka tidak ada sebab hotel-hotel ini di bawah receivership. Apa yang kami siasat dan dapati bahawa yang sebenarnya receivers yang sedang menjalankan management hotel-hotel ini enggan melepaskan hotel-hotel ini kepada pembeli-pembeli ataupun peminat-peminat, pelabur-pelabur yang minat membeli hotel ini.

Ini kerana receiver yang memmanage hotel ini mendapat pendapatan sebagai 'management fee' yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sikap receiver ataupun penerima yang hanya bertujuan untuk mendapatkan keuntungan sahaja mengakibatkan staff dan pekerja-pekerja hotel merasa mereka tidak dipedulikan. Maka keadaan akan menjadi lebih buruk tetapi tindakan Kerajaan seharusnya diberi pujian iaitu Kerajaan Negeri Melaka kerana talah mendapatkan satu hotel baru-baru ini daripada tangan seorang receiver. Maka dengan ini, saya meminta Kementerian yang berkenaan akan dapat mengkaji semula kuasa ataupun amanah yang telah diberi kepada receiver dan setengah-setengah receiver telah menyalahguna ataupun menyelewengkan kuasa yang diamanahkan kepada mereka .

Dengan hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang saya sampaikan ini, saya sekali lagi menyokong Usul mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen yang Kelapan. Sekian, terima kasih .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masih ada 8 orang Ahli hendak berucap, maka di sini saya terpaksa menghadkan tiap-tiap seorang selama 10 minit supaya saya dapat menjemput Menteri-menteri untuk menjawab. Untuk melicinkan proses bahas ini, di sini saya akan beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli yang saya akan menjemput iaitu yang pertama, Dato' Azumu bin Tak; yang kedua, Tuan Dol bin Dollah; yang ketiga, Puan Hajah Rogayah binti Che Mat; yang keempat, Tuan Abdul Rashid bin Ismail; kelima, Tuan Itam Wali bin Nawan; yang keenam, Tuan C. Krishnan; yang ketujuh, Tuan Saidin bin Mohamad dan yang kelapan, Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim. Maka sekarang saya

akan menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak berucap. Sila berikan kerjasama dan hadkan ucapan kalau boleh lebih kurang 10 minit.

4.03 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong Usul yang ada di hadapan kita ini. Sebelum saya memulakan ucapan tentang Usul ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' kerana dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember akan tercatat sebagai satu sejarah yang gilang-gemilang dalam amalan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan di negara **ini**. Usul ini bertujuan untuk menyembahkan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kebahagiaan yang kita nikmati telah dihasilkan oleh Kerajaan Duli Tuanku. Sesungguhnya keamanan dan kesejahteraan rakyat adalah dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuanku dan keberkesanan Kerajaan Duli Tuanku yang dipimpin oleh Perdana Menteri negara **ini**, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., di atas limpah kurniaNya yang telah memakmurkan negara **ini**.

Perkara yang sangat menarik perhatian ialah semasa era pemerintahan Tuanku Agong kita ialah satu peristiwa yang sangat besar maknanya kepada negara ini telah berlaku. Peristiwa yang saya maksudkan itu ialah perletakan senjata. oleh Parti Komunis Malaya yang telah dimeterai di Thailand pada bulan Disember 1989. Peristiwa ini dapatlah dianggap kejayaan kepada satu perjuangan

rakyat menolak fahaman komunis yang menafikan wujudnya Tuhan dan sistem beraja. Sebahagian di antara kita masih dapat lagi menggambarkan dengan jelas betapa peritnya penghidupan rakyat di zaman darurat dan banyak juga di antara kita yang menanggung kesedihan kerana terkorbannya orang-orang yang kita kasihi yang telah mempertaruhkan nyawa mereka dalam mempertahankan negara ini dari cengkaman komunis .

Parti Komunis Malaya yang mengambil tindakan bersenjata dan mengganas tanpa belas kasihan dalam usaha untuk berkuasa di negeri ini telah menyebabkan keperitan hidup kepada orang awam dan mengorbankan banyak jiwa anggota-anggota pasukan keselamatan kita. Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. dan dengan berkat daulat Duli Tuanku ancaman komunis di negara ini telah berjaya dipatahkan dengan kejayaan di pihak yang lebih cenderung kepada fahaman demokrasi .

Dalam hubungan ini , janganlah lupa kepada orang-orang yang telah berkorban iaitu anggota pasukan keselamatan sama ada pihak Tentera dan Polis. Merekalah yang merupakan wira negara yang harus diberi penghormatan dan penghargaan tinggi oleh rakyat dan Kerajaan. Saya sangat bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memberi layanan yang paling sempurna kepada semua lapisan anggota pasukan keselamatan kita. Kita harap hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kepada keluarga anggota pasukan keselamatan kita akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Dalam hubungan ini juga, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan dapat mengumpulkan semula senarai orang-orang yang masih hidup dan yang telah meninggal dunia yang dengan ikhlasnya telah menyahut seruan negara berkhidmat dengan beberapa pasukan yang diwujudkan di

zaman darurat seperti Pasukan Polis Khas (Special Constable), homeguard, Anggota Sukarela Pasukan Polis dan Tentera termasuk yang berkhidmat di zaman konfrantasi dan kepada mereka ini diberikan ganjaran yang sewajarnya dalam bentuk saguhati yang agak istimewa. Jika pekerja-pekerja syarikat mendapat bonus di penghujung tahun apabila syarikat itu beruntung maka saya berharap dengan selesainya keadaan darurat di negara ini, dengan surrendernya Parti Komunis Malaya ini, maka bekas ahli-ahli Pasukan Polis ~~ini~~ ini juga patut diberi satu ganjaran yang istimewa pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa amat bangga kerana negara kita telah terpilih menjadi tuan rumah kepada beberapa persidangan antarabangsa seperti CHOGM, Kumpulan G-15 dan lain-lain lagi. Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang telah berjaya dapat mengepalai persidangan besar seperti CHOGM dan Kumpulan G-15. Saya perhatikan wakil-wakil dari negara asing yang menyertai persidangan-persidangan berkenaan kerap di bawa ke ladang kelapa sawit dalam acara lawatan mereka. Untuk melihat tempat bersejarah misalnya, mereka dibawa ke negeri Melaka.

Pada hemat saya, adalah lebih baik jadual lawatan mereka ini disusun dengan melibatkan juga negeri-negeri lain, umpamanya di negeri Perak untuk melihat pengeluaran industri bijih timah, ke Kedah untuk melihat jelapang padi dan negeri-negeri lain. Cara ini dapat mempelbagaikan pemandangan anggota delegasi asing untuk diperkatakan apabila mereka balik ke negeri masing-masing dan dengan itu juga untuk menarik minat penduduk-penduduk negara mereka untuk datang melawat ke negara ini di masa-masa yang akan datang.

Adalah juga dititahkan oleh Kebawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong bahawa "Kerajaan akan memberi perhatian berat kepada usaha-usaha untuk mencegah pembaziran dan penyelewengan. Justeru itu, kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan penguatkuasaan serta pematuhan kepada prosedur kewangan dan perakaunan akan diberi perhatian yang sewajarnya". Itu saya quote .

Saya berharap agar jabatan-jabatan Kerajaan akan dilengkapi dengan alat-alat pejabat yang moden termasuk kerusi-meja yang mampu menunjukkan kepada orang ramai sebagai sebuah pejabat Kerajaan yang disegani. Banyak pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat Daerah terutama di Balai-balai Polis umpamanya, di mana kelengkapan pejabat dan balai-balai sungguh daif kerana bergoyang-hayung dan sebagainya. Alat-alat pejabat seperti mesin taip patutlah diganti tiap-tiap tiga tahun sekali. Jika alat-alat dan perkakas-perkakas seperti yang saya sebutkan tadi tiada dijaga dan diperbaharui, maka prestasi kakitangan Kerajaan di peringkat-peringkat bawahan iaitu di daerah-daerah akan menurun. Mungkin ia boleh disifatkan sebagai false autonomy.

Dalam masalah prosidur kewangan pula, saya perhatikan bahawa masih ada lagi rungutan-rungutan dibuat di mana pemborong-pemborong lambat mendapat wang kontrak mereka dari jabatan-jabatan Kerajaan.

Perkara ini sepatutnya tidak timbul di masa kita menggunakan komputer di dalam urusan-urusan harian kita pada hari ini. Ini adalah disebabkan prosedur-prosedur yang terlalu ketat di setengah-setengah jabatan. Jika sesuatu baucer tersilap ejaan pun maka Jabatan Akauntan Negara yang mengendalikan pengeluaran cek akan mengembalikan baucer yang berkenaan ke jabatan yang meluluskan pembayaran. Ini akan mengambil masa yang lama dan dengan demikian akan merugikan kontraktor yang berkenaan. Saya cadangkan supaya pegawai-pegawai di peringkat pertengahan, dengan izin, mid-level management diberi kuasa untuk membuat pembetulan yang kecil-kecil bagi kesilapan-kesilapan yang kecil supaya semua urusan boleh dibereskan dengan segera.

Kita mempunyai jumlah belia yang besar di negara ini dan demikian juga jumlah pertubuhan belia yang banyak tetapi adakah kita berpuas hati tentang kemajuan-kemajuan dan keahlian mereka? Adakah Kerajaan mengikuti kemajuan mereka dan memastikan yang pertubuhan-pertubuhan belia mengikut undang-undang tubuh pertubuhan mereka. Agak saya perhatian yang sepenuhnya tidak kita berikan kepada mereka. Jika mereka tidak mengikuti undang-undang tubuh yang mereka sendiri gubal dan luluskan, maka Kerajaan sepatutnya menegur dan mencari jalan untuk membetulkan.

Di dalam masa kita hendak menegaskan kepada rakyat bahawa Kerajaan kita mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan, kita akan terus meletakkan kedudukan Raja kita di tempat yang sepatutnya. Perkara yang merunsingkan adalah

masih ramai rakyat kita yang sungguhpun tahu sistem pemerintahan negara kita tetapi kurang tahu tentang adat Raja-raja. Ramai yang tidak tahu cara mengangkat sembah kepada Raja. Yang malangnya sekali kadangkala pemimpin-pemimpin masyarakat pun tidak menyembah Raja dengan betul dan tertib. Yang amat menyedihkan pula saya perhatikan ada orang yang mengangkat tangan hendak menyembah Raja tetapi terselit sebatang rokok di tangan mereka seperti hendak menyembah tokkong mereka. Ini amat memalukan. Saya berharap pihak Istana Negara dapat menunjukkan cara-cara yang betul dan kursus-kursus singkat dianjurkan untuk pemimpin-pemimpin masyarakat, mungkin untuk orang ramai jua tentang adat istiadat Rajanya.

Yang akhir sekali, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pasukan Pancaragam dan Pasukan Barisan Kehormatan yang telah menunjukkan kecekapan dan smart mereka di hari Pembukaan Parlimen pada 4hb Disember yang lalu.

Saya mohon izin untuk menegur bahawa didapati dalam jemputan yang dimajukan oleh Yang di-Pertua Dewan ini dan juga Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada dif-dif dan juga Ahli-ahli Parlimen bahawa pakaian hari itu adalah Pakaian Seragam atau Hari Kalung. Saya perhatikan ramai jemputan-jemputan yang tidak mengikuti arahan pakaian yang tersebut. Ada di antara mereka yang mendapat gelaran Tan Sri ataupun Datuk daripada Negeri-negeri tidak memakai pakaian rasmi mereka. Jadi, saya berharap di masa yang akan datang pihak protokol Parlimen akan membuat sesuatu untuk membetulkan keadaan supaya perkara seumpama ini tidak berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dol Dolah. Cuba ringkaskah ucapan untuk dihabiskan dalam masa 10 minit.

4.15 ptg.

Tuan Dol bin Dolah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk turut menyampaikan ucapan Junjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu membuka Parlimen Penggal Pertama, Parlimen Ke Lapan pada 4hb Disember, 1990 yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah berkenan menyentuh soal-soal ekonomi negara, keharmonian kaum, keselamatan negara dan yang lebih penting Baginda begitu arif menyentuh soal kemampuan Kerajaan Baginda di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita, di mana kita semua yakin akan membawa perkembangan pertumbuhan ekonomi yang lebih cerah bagi faedah rakyat, tidak kira di mana mereka berada di negara kita ini. Secara menyeluruh Titah Baginda itu boleh diibaratkan sebagai memperkukuhkan lagi slogan Barisan Nasional dalam Manifesto Pilihanrayanya yang lalu iaitu Kestabilan, Keamaman dan Kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh satu dua perkara yang pada hemat dan pandangan saya, Kerajaan perlu melaksanakannya. Perkara utama ialah kestabilan. Memanglah kita tahu diberi masa agak panjang, boleh saya huraikan perkara ini secara terperinci akan tetapi bagi menjimatkan masa, biarlah saya menyampaikan dalam bentuk yang singkat dan apa yang saya hendak

perkatakan ada hubungkaitnya dengan soal-soal keselamatan negara.

Sehingga kini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah secara rasmi menerima perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM) dan saki-baki komunis Kalimantan Utara baru-baru ini. Seimbias lalu dapat kita bayangkan bahawa ancaman komunis atau keganasan komunis di negara kita ini sudah tamat. Rata-rata rakyat di negara ini yakin tidak akan kedengaranlah sebarang letupan kecil ataupun besar di hutan-hutan ataupun di perbatasan mahupun di pinggir-pinggir hutan di negara kita ini. Bersyukurlah kita ke hadrat Allah Subhanu wa Taala bahawa tidak akan ada lagi anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita yang menjadi mangsa keganasan komunis di negara sendiri.

Hasil dari perjuangan anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan hasil dari kerjasama rakyat menghapuskan kegiatan kaganasan komunis bertahun-tahun lamanya di negara ini, negara boleh dikatakan aman, subversif dan keganasan sudah tidak ada lagi.

Tuan Yang di-pertua, dari sejak mula kita mencapai kemerdekaan, jika dijumlahkan segala perbelanjaan yang melibatkan keselamatan negara bagi memerangi komunis, Kerajaan berbelanja berpuluh ribu juta. Kita terpaksa menyediakan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pada setiap kali Belanjawan negara.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subahanu wa Taala barangkali dengan berkat doa rakyat yang sentiasa mendoakan negaranya aman untuk didiami dan rakyat tidak lagi hidup dalam ketakutan dan diselubungi oleh ancaman.

Saya masih ingat sepatah kata Allahyarham Tun Abdul Razak,

Perdana Menteri Kedua Malaysia, sewaktu melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Pertama: "Rakyat tidak memerlukan berek-berek tentera tetapi rumah-rumah kediaman. Rakyat tidak, memerlukan uniform tentera tetapi pakaian. Rakyat juga tidak memerlukan peluru tetapi makanan." Sekarang kata-kata ini sebagai kata-kata hikmat yang telah menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah pasti dapat menjimatkan perbelanjaan negara dari segi keselamatan. Kita doakan agar keamanan ini terus kekal dan negara dalam keadaan stabil,

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam perkara yang sama, saya suka mengingatkan Kerajaan supaya sentiasa berwaspada setiap ketika. Ini ialah kerana dalam kita memperkatakan ancaman komunis bersenjata atau militan komunis ini sudah tiada lagi, kita tidak seharusnya leka atau terus menganggap komunis bersenjata sudah seratus peratus lenyap.

Saya berharap biarlah kita berhati-hati dalam perkara ini. Tujuan saya berkata begitu ialah kerana kita khuatir kalau-kalau masih ada lagi penyokong-penyokong komunis yang masih berpegang kepada ideologi komunis atau Marxist. Kita juga bimbang kalau masih ada lagi yang cuba menjalankan subversif dan cuba masuk meresap melalui badan-badan ataupun pertubuhan-pertubuhan tertentu meresap ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan belia, parti-parti politik yang membolehkan mereka menukar cara taktik untuk kembali semula bergerak di negara kita ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Unit Khas bagi mengawasi perkara ini atau Kerajaan terus sahaja memperbesarkan Unit Perisik yang sedia ada di setiap Regimen Angkatan Bersenjata. Tuan Yang di-Pertua, kata pepatah Melayu: "Kita sediakan payung sebelum hujan, beringat sebelum terkena, berjimat sebelum habis". Kita telah mengalami dan mengharungi perkara ini, kita boleh belajar dari pengalaman pahit ini supaya tidak berulang lagi. Apa yang kita perlu buat sekarang ialah melatih anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita, darat, laut mahupun udara supaya mereka terus peka dalam soal-soal ancaman komunis walaupun ancaman itu sudah boleh kita katakan tiada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting sekarang ialah keamanan negara yang membawa erti keamanan rakyat. Walaupun barangkali kita mempunyai alat senjata moden bagi menentang musuh, tetapi bagi saya yang lebih penting sekarang ialah memulihkan kehidupan rakyat, sama ada di luar mahupun di dalam bandar. Kerajaan harus rnenggerakkan seluruh Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Pusat mahupun Negeri atau Daerah termasuklah di kampung-kampung dan kawasan-kawasan pendalaman, Sabah dan Sarawak agar sama-sama membangunkan negara. Kepada pihak swasta dan segenap anak syarikatnya hendaklah diperingatkan selalu bahawa keamanan yang dinikmati sekarang dapat memandu mereka membangunkan negara dalam bidang ketinggian ekonomi, sosial, pelajaran dan agama. Pihak-pihak ini biarlah sama-sama memahami hasrat Kerajaan dan apa jua perancangan biarlah mencerninkan dan menggambarkan cita-cita Kerajaan dan rakyat.

Sekarang ini kita dapati kawasan-kawasan perindustrian berada di kawasan-kawasan luar bandar. Kerajaan-kerajaan Negeri, khasnya dan Kerajaan Pusat amnya telah dan sedang mencuba menarik seberapa ramai pelabur asing menanam modal di negara kita *ini*. Rakyat harus disedarkan dan diberi pengertian secara lebih meluas mengapa kita perlukan penanaman modal dari pelabur-pelabur asing di samping kita memberi galakan kepada pelabur-pelabur dalam negeri membina kilang-kilang. Kedatangan pelabur-pelabur asing menanam modal di negara kita ini semakin meningkat .

Oleh itu saya suka mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan yang boleh di panggil Majlis Perunding atau dengan izin , Counsultative Council - Badan ini bolehlah diletakkan di bawah pengawasan EPU atau sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin , Economic Planning Unit , di Jabatan Perdana Menteri . Biarlah Majlis Perunding yang bakal ditubuhkan itu meliputi atau merangkumi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang sentiasa menjadi nadi kepada perkembangan ekonomi rakyat dan negara. Kita bolehlah mengharapkan bahawa jentera pembangunan negara masakini dan masa depan bergantung kepada kestabilan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soal kemakmuran negara, kita telah merancang dan melaksanakan sejak mula mencapai kemerdekaan dengan melancarkan PLB (Pembangunan Luar Bandar) Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga , Keempat , Kelima dan sekarang masuk yang Keenam. Kita susul pula dengan DEB (Dasar Ekonomi Baru) yang akan berakhir di tahun 1990 ini. Tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan telah berjaya menggerakkan kesemuanya ini , dan apabila kita

kata kita berjaya, seperti rakyat menerima nikmatnya, dan apa yang kita lihat sekarang, negara telah begitu jauh berubah di pekan mahupun di desa. Kita bangga dengan sambutan dan penerimaan rakyat. Kita berjaya merevolusikan pemikiran rakyat dengan Revolusi Pembangunan. Tumpuan utama ini menyebabkan ekonomi kita bertambah kukuh walaupun kita bertemu dengan kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita begitu kaya dengan hasil tumbuhan, pemberian Tuhan di atas muka bumi, di perut laut, di bukit dan di gunung-ganang. Kita begitu bersyukur dengan hasil-hasil yang diperolehi dari pemberian Allah s.w.t. Kita jadikan hasil alam ini menjadi hasil negara yang kemudiannya dinikmati oleh rakyat. Kita perdagangan hingga ke luar negeri. Hasil dari usaha gigih rakyat dan Kerajaan inilah negara kita tergolong dalam "Negara Membangun" dan kita telah boleh bersuara di forum-forum dan persidangan antarabangsa dan yang lebih membanggakan kita ialah "Suara Negara" di forum-forum antarabangsa dan persidangan dunia mengenai ekonomi menjadikan tumpuan negara-negara luar. Secara disedari mahupun tidak oleh rakyat, inilah hasil perkongsian bersama menjaga kestabilan politik dan lebih-lebih lagi kegiatan kita selama ini tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi melalui rancangan yang disusun begitu rapi oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pun kita begitu kukuh dengan pembangunan ekonomi, kita tidak harus lupa bahawa rakyat kita begitu terdedah dengan pengaruh-pengaruh budaya kuning. Kerajaan harus mengawasi perkara ini supaya generasi muda kita tidak kehilangan budaya dan tata susilanya. Sekarang kita nampak bahawa muda-mudi kita begitu leka dengan pengaruh luar, seperti ketagihan najis

dadah, berambut panjang, meniru lebih mirip kepada kebaratan dari ketimuran. Kerajaan perlu mengawasi soal ini dan Kementerian-kementerian yang berkenaan hendaknya biarlah memperbanyakkan kegiatan-kegiatan berupa ketinggian moral dan budaya bangsa supaya generasi muda dapat mengalihkan pandangan ke arah ini. Kita khuatir anak-anak muda kita ini jika kurang diberikan pendidikan rohaniah dan tatabudaya bangsa akan lebih jauh menyimpang dan sukar dibendung lagi.

Kita tidak cukup dengan mengadakan "Malam Budaya" di sana-sini, berpesta budaya di setiap negeri, tidak cukup dengan itu, beraneka pesta dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat, Badan-badan Berkanun, Pertubuhan-pertubuhan Belia di merata tempat, dan sekarang mari kita tanya, apakah kesemuanya ini dianggap bahawa belia-belia, beliawanis, anak-anak muda kita sudah begitu maju? Apakah kesan baik atau buruk yang didapati hasil dari aneka pesta yang diadakan di sepanjang tahun termasuk di Dataran Merdeka itu mempunyai keantungan besar kepada ketinggian mutu akhlak anak bangsa kita?

Sudahkah Kerajaan atau pihak-pihak yang pernah menganjurkan pesta ini menilai sejauh manakah kesan yang ditinggalkan oleh pesta-pesta ini? Atau adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sudah benar-benar puas hati lalu menganggap kita sudah maju di bidang sosial masyarakat? Saya kira, walaupun muda-mudi kita disogokkan dengan aneka hiburan hingga larut-larut malam, ini tidak terjunlah kepada kemajuan sosial yang baik. Perkara-perkara pesta hiburan yang terdapat sekarang ini perlu dikurangkan dan dikaji dahulu buruk baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit sahaja lagi mengenai Kementerian.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf, cubalah habiskan. Sudah sampai 15 minit.

Tuan Dol bin Dolah: Tuan Yang di-Pertua , panjang lagi, walau bagaimanapun, sekian .

Tuan Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Tuan Dol bin Dolah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak dapat menghabiskan ucapan ini, setakat ini sahajalah , sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Rogaya binti Che Mat.

4.30 ptg.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, memulakan perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang dapat mengekalkan kuasa memerintah dengan majoriti lebih 2/3, walaupun kita telah kehilangan seluruh kerusi di negeri Kelantan.

Menyentuh pembangunan di Kelantan yang kini dikuasai oleh Pembangkang, setiap projek Persekutuan mestilah jelas penerangannya kepada rakyat supaya tidak dieksploitasikan oleh Kerajaan Pembangkang. Contohnya, cadangan Dato' Seri Sanusi Junid untuk melabelkan cap guni baja subsidi dengan 'lambang dacing' dan perkataan "Persekutuan" adalah langkah yang baik, biar rakyat membuka mata terhadap sumbangan Pusat untuk kebajikan mereka, Usaha pembangunan dan pemberian projek hendaklah dipastikan memberi manfaat yang jelas kepada pengundi-pengundi dan penyokong Barisan Nasional yang setia, jangan nanti pelbagai faedah dinikmati oleh anak orang-orang lain, sedangkan anak Barisan Nasional sendiri berputih mata.

Usaha memulihkan kuasa Barisan Nasional di Kelantan. Usaha ke arah ini hendaklah dimulakan dari sekarang. Barisan Nasional yang kalah teruk tidak boleh berkecil hati, binakan imej baru dan perkukuhkan jentera dari sekarang. Adalah dicadangkan agar sebuah Kementerian atau Menteri atau Menteri Besar mengambilalih sesuatu bahagian untuk dijadikan anak angkat bagi membolehkan setiap

bahagian itu berfungsi dengan jayanya di samping mendapat kemudahan-kemudahan dan bantuan seperlunya. Dengan cara ini juga dapatlah diterapkan nilai masyarakat penyayang yang diutarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dengan bermulanya pengubahsuaian dalam pentadbiran bahagian UMNO dan perhubungan rapat antara rakyat sendiri, mudah-mudahan rakyat Kelantan akan pasti membuka mata dan insya Allah, kembali menyokong Barisan nasional apabila mereka mendapati Kerajaan PAS hanya kaya dengan janji, tetapi tidak mampu melaksanakannya.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Mengenai kes mendera dan menganiaya kanak-kanak, perhatian serius perlu diberi oleh Kerajaan semoga ada tempat atau badan khusus yang boleh menjadi tempat aduan, tanpa badan khusus, orang ramai yang tahu kes-kes penganiayaan tidak tahu apa yang hendak dibuat.

Saya percaya jiran-jiran yang bertanggungjawab dan boleh memanfaatkan kewujudan badan ini, khususnya badan khas itu perlu diberi kuasa bertindak yang seperlunya. Hukuman sebat terhadap orang-orang dewasa yang mendera anak-anak dalam jagaan mereka perlu dilaksanakan dengan kuatkuasa undang-undang. Jadikan hukuman sebat satu hukuman mandatori atau wajib terhadap pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Kerajaan kerana berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 50% tahun 1970 kepada 15% tahun 1990, tetapi perangkaan ini pada asasnya secara menyeluruh. Dalam perkiraan kita selalu mengambi kira faktor keseluruhan, tetapi satu kesilapan telah terjadi, Kerajaan tidak

mengambil kira kadar kemiskinan di Pantai Timur, rata-rata penduduk di Pantai Timur, Kelantan, Pahang dan Terengganu, misalnya masih ada yang purata pendapatannya kurang dari \$30 dan masih ada anak-anak yang ke sekolah tidak ada wang saku.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, pemindahan yang drastik mesti dilakukan oleh Kerajaan, supaya penubuhan industri dibawa ke negeri-negeri Pantai Timur dan jangan hanya tertumpu di negeri-negeri Pantai Barat sahaja seperti Johor, Melaka dan Pulau Pinang, kerana Pelabuhan Kuantan telah mengenyahkan semua alasan kemudahan pelabuhan di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menambah dan meningkatkan taraf hidup kaum tani, adalah diharapkan Kerajaan membuat dasar yang cegas supaya pembangunan industri yang berasaskan bahan pertanian diutamakan di negeri-negeri yang banyak atau tertumpu dalam bidang pertanian. Dasar ini tidak akan ada persaingan di antara negeri-negeri dalam bidang yang sama.

Adalah diharapkan supaya Dasar Perindustrian Negara menentukan zon perusahaan. Jika Pantai Timur didapati lebih baik ditumpukan kepada perusahaan berasaskan bahan pertanian, maka tumpukan sepenuh perhatian ke arah itu. Dengan ini mana-mana pelabur asing yang mahu melabur dalam bidang pertanian ataupun mana-mana industri akan menumpukan usaha mereka di tempat yang berkenaan. Dengan ini tidaklah berlaku pertindihan dalam dasar perindustrian dan pembangunannya berkembang sama rata,

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi agak segar berkemhang dan berbagai-bagai langkah telah disusun termasuk program-program yang dibuat melalui Bank Negara, tetapi malangnya kemudahan-

kemudahan ini tidak ada sambutan, malah amat kecil syarikat-syarikat Melayu yang mendapat kemudahan. Saya mengambil contoh ERC Facilities yang telah diperkenalkan oleh Bank Negara.

Melalui Dewan yang mulia ini saya mencadangkan agar satu-satu dasar itu diperkenalkan biarlah selari dengan kefahaman orang ramai, orang Melayu khususnya tahu dan dapat menerima nasihat dan kemudian menikmati kemudahan tersebut. Kita harus mengambil contoh CGC di mana telah menjadi buah mulut di mana-mana semua oleh kerana mereka tidak ada kefahaman dengan masalah ini,

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perancangan pembangunan kemudahan infrastruktur terutamanya bagi tujuan mengembangkan peningkatan ekonomi negeri, saya suka mencadangkan agar Kerajaan membuat dengan segera pembesaran Lapanganterbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Walaupun mereka ini telah di bawah Parti Pembangkang, namun bagi membolehkan kapalterbang yang lebih besar mendarat dengan tujuan memudahkan pengangkutan jemaah haji. Demikian juga Lapanganterbang ini dapat digunakan bagi tujuan pengangkutan kargo barangan perkilangan. Juga dicadangkan agar membuat sebuah Pelabuhan Kering (Dry Port) di Wakaf Baru bagi memenuhi keperluan pengangkutan yang kian meningkat. Dengan ini perkembangan perusahaan akan cepat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, faktor tambahan ekoran dari berjayanya usaha yang dicadangkan di atas tadi secara langsung akan membolehkan mengembangkan utiliti kemudahan Pelabuhan Kuantan, pembahagian pembangunan industri, penyelerasan kemudahan awam dan penyebaran pengetahuan dan skill di kalangan pekerja-pekerja tempatan.

Menyentuh Dasar Pendidikan Negara, penumpuan nampaknya lebih bergerak di Pantai Barat, dari 7 buah universiti yang ada tidak satu pun dikembangkan ke Pantai Timur. Mengambil kira kadar jumlah pelajar, mutu pendidikan, sistem pendidikan swasta, maka Pantai Timur juga layak sekurang-kurangnya mendapat satu universiti ditempatkan di sana, atau sekurang-kurangnya bertaraf Kolej yang boleh membekalkan graduan-graduan bertaraf Diploma.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesungguhan Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan membentuk rakyat bermutu, berilmu dan beriman serta bermoral tinggi agar dapat menghadapi cabaran abad ke-21 nanti, adalah diharapkan usaha ini bukan semata-mata dimainkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja. Adalah terlalu malang di sekolah pelajar dididik dengan nilai-nilai murni, nilai yang amat baik untuk dihayati, tetapi di rumah melihatkan program TV begitu mengerunkan. Di sini berlaku dua dimensi di kalangan pelajar atau remaja, yang mana satu harus diikuti. Oleh itu adalah dicadangkan supaya Menteri Penerangan mengkaji semula segala rancangan TV agar ianya tidak terlalu menyimpang.

Saya faham TV diprogramkan mengikut kehendak semua lapisan masyarakat, tetapi saya yakin semua lapisan masyarakat tidak suka jika rancangan itu didapati telah lari dari nilai-nilai atau norma budaya kita.

Mengenai dadah, KDN perlu mencari approach baru yang lebih berkesan untuk mengurangkan kadar penglibatan anak-anak muda, bakal anggota masyarakat yang tidak langsung memperlihatkan berkurangan. Saya tidak nafikan kadarnya bertambah, tetapi apabila dibuat perbandingan antara kadar penyalahgunaan dengan kadar mengatasinya, ternyata kadar pertambahan belia-belie terlibat dengan dadah lebih besar.

Saya sekali lagi menyeru KDN (Kementerian Dalam Negeri) mencari satu approach yang baru secara agama untuk membendung naluri kaum belia masyarakat dari terlibat dalam kancah ini. Peruntukan yang jelas hendaklah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Itam Wali.

4.41 ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap pada sesi perbahasan atas Titah Di Raja sempena Istiadat Perasmian, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4 hb Disember, 1990.

Setelah saya meneliti teks ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada saya dapatlah saya rumuskan ianya mengandungi perkara-perkara seperti berikut iaitu politik dari sudut dalam Malaysia yang dimaksudkan demokrasi.

Keduanya, keselamatan dan ketenteraman awam.

Ketiga, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dan rancangan pembangunan Malaysia.

Keempat, berlandaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB), hasilnya amat positif memberi ilham kesinambungan perancangan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan dimulakan nanti pada tahun 1991 hingga 1996 dan memperlihatkan positifnya perancangan tersebut sehingga pertumbuhan ekonomi negara yang kini mencapai kepada angka 9.7%.

Seterusnya merangkumi juga ialah politik luar Malaysia, penekanan kepada sektor penswastaan, penekanan kepada pertanian kerana sumbangannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan lain-lain.

Keseluruhan ini adalah, usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk kesejahteraan rakyat plural di Malaysia. Rakyat Malaysia pada saya amat bertuah kerana Kerajaannya mengamal dasar ekonomi dan demokrasi, memberi hak kepada semua rakyat memilih pucuk pimpinan pemerintahan seperti terbukti dalam pilihanraya baru-baru ini. Bukan itu sahaja tetapi negara Malaysia juga mempunyai tuah tersendiri kerana sentiasa tersisih daripada bencana alam seperti.

gempa bumi, kemarau panjang serta ribut taufan kecuali sekali sekala ada banjir kilat yang datang sekejap dan pergi dengan serta-merta,

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang sesi perbahasan Tiiah ucapan Di Raja, rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah memberi pandangan berguna terhadap beberapa perkara tetapi belum menyentuh hal-hal mengenai Orang Asli yang juga sebagai bumiputera Malaysia dari kesejahteraan mereka sentiasa diambil berat oleh pihak Kerajaan dan mereka terangkum dalam perancangan modenisasi negara. Oleh itu dalam sesi **ini**, izinkan saya menyentuh hal ehwal masyarakat itu dengan cuba memperlihatkan lembabnya pencapaian pembangunan sosial ekonomi di kalangan masyarakat **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli dikenali umum sebagai di antara penduduk terawal di-Malaysia. Pengesahan sebagai penduduk awal juga jelas pada sebutannya iaitu 'Orang Asli'. Ahli geology dan anthropology dalam kajian mereka menemui rangka-rangka manusia dalam beberapa gua di kawasan pendalaman termasuk di Gua Cha di Kelantan, Kesimpulan yang ditemui, rangka-rangka itu adalah saki-baki puak Byan Hian iaitu sekumpulan community awal menghuni belantara Malaysia. Dikaji dari segi budaya dan beberapa pemandangan lain diyakini pewaris generasi ini adalah Orang Asli puak Senoi. Dan mereka masih menghuni kawasan-kawasan pendalaman Semenanjung

Malaysia hingga kini Cara hidup mereka adalah simple, sering berpindah randah dari tempat ke satu tempat, mengamal pertanian pindah. Budaya dan ekonomi mereka adalah tersendiri dan untuk sara diri.

Walau bagaimanapun semenjak berlaku darurat di Semenanjung pada tahun 1946 hingga tahun 1956, kumpulan ini telah mendapat perhatian pihak Kerajaan kerana beberapa faktor penyebab, dan di antaranya kerana penglibatan mereka secara tidak langsung dalam kegiatan anasir komunis, bukan kerana bertujuan politik tetapi kerana kedudukan taburan kawasan mereka di pedalaman.

Keduanya, kenazakan sosio-ekonomi dan memerlukan pembelaan pihak Kerajaan. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diwujudkan pada tahun 1953 adalah di atas kepentingan ini. Bermula daripada saat itu masyarakat ini terus mendapat perhatian Kerajaan sehingga Umat darurat pada tahun 1962 dan hingga kini. Tujuan saya menonjolkan senario ini bukan kerana hendak memerihalkan sejarah community ini tetapi ada hubungan kaitnya dengan peranan dan tugas kita dalam Dewan ini dan kesejahteraan mereka dalam konteks masyarakat Malaysia moden.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari tugas saya amat berat berhadapan dengan masalah Orang Asli yang kini berjumlah 72,049 jiwa di seluruh Semenanjung, tambahan pula taburan penduduk mereka yang

berselerak dan terpencil serta budaya tradisional yang masih tebal menjadikan segala usaha Kerajaan berjalan kurang Lancar. Pada peringkat awal kajian ekonomi dibuat, pendapatan bulanan mereka berjumlah di antara \$20 hingga \$80 sahaja sebulan iaitu satu taraf ekonomi yang di bawah paras pendapatan rakyat termiskin. Pihak Kerajaan melalui JHEOA ataupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah berusaha sedaya upaya membawa paras pendapatan ini ke tahap agak baik jika sekalipun tidak sebaik pendapatan community lain.

Langkah Kerajaan menyusun semula beberapa kali Kementerian-kementerian yang dipertanggungjawabkan, kini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah difikirkan wajar. Wajar dilihat dari segi definisi Kementerian itu sendiri adalah cukup dengan kehendak pembangunan masyarakatnya. Dari segi peruntukan juga ada kewajarannya dapat dilihat dalam Akta Kumpulan Wang Disatukan tahun 1990 sebanyak \$10,360,000 ditambah \$5 juta lagi dan pada tahun 1991 nanti, jumlah itu akan meningkat kepada \$31,080,800 iaitu seperti terdapat dalam Akta Perbekalan, 1991. Jumlah wang ini diharap dapat membawa masuk projek-projek pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat dan objektif.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan saranan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember, 1990, perenggan akhir muka surat pertama untuk mencapai kesamarataan objektif pembangunan negara, beberapa perkara pokok perlu diteliti, dikaji semula dan diubahsuai mana-mana yang perlu berhubungkait dengan peningkatan sosio-ekonomi masyarakat

Luar bandar termasuk Orang Asli.

Oleh yang demikian melalui Dewan ini, saya mencadangkan penekanan dan pengubahsuaian-pengubahsuaian kepada beberapa perkara seperti berikut:-

Pertama, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974. Akta ini mula diperkenal pada 25hb Februari, 1954 mengandungi sebanyak 19 Seksyen, sebagai garis panduan mentadbir Orang Asli dari segi undang-undang sesuai dengan suasana darurat Parti Komunis Malaya pada waktu itu ditubuh, Peruntukan-peruntukan tidak banyak menekan kepada pembangunan sosio-ekonomi terutama berkaitan hal ehwal tanah seperti dalam Seksyen 6, Seksyen 7 yang sama. Melalui Dewan ini, saya mencadangkan satu jawatankuasa ditubuh mengkaji semula peruntukan-peruntukan di dalamnya, digubal dan disesuaikan dengan kehendak pembangunan sosio-ekonomi terutama masalah hak memiliki tanah, yang ada hubungkait dengan pembangunan pertanian, Bukti menunjukkan agensi-agensi pembangunan tanah terbiar enggan memasukkan projek-projek pemulihan tanah getah dan lain-lain pojek. pembangunan ke kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan Orang Asli iaitu kawasan di bawah Seksyen 6 Akta 134 kerana statusnya tidak kekal.

Kedua, intrastruktur kemudahan perhubungan jalan raya. Teori menunjukkan perhubungan jalan raya adalah di antara asas membawa pembangunan ke kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan terpencil. Ia juga bertindak sebagai perhubungan kawasan mundur dengan pusat

modernisasi. Kemudahan ini amat terhad di kawasan-kawasan Orang Asli. Sebagai contoh, beberapa kawasan pendalaman Orang Asli yang berjaya dibangunkan dengan projek pertanian seperti di Kuala Mulasah, Perak; Pulat di Gua Musang, Kelantan; Pos Chabai di Kelantan; Pos Kudung di Johor dan beberapa buah tempat lain lagi tetapi usaha memasarkan pertanian ini terbantut kerana tiada hubungan jalan raya. Saya mencadangkan kemudahan ini mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan.

Perkara ketiga ialah mengenai dengan pengeluaran. hasil hutan. Kawasan-kawasan Orang-orang Asli kaya dengan hasil hutan, sesuai dengan keadaan kawasan belum membangun. Kayu balak, rotan, buluh dan sebagainya adalah tumbuhan dan hasil biasa terdapat dalam kawasan Orang Asli. Mereka pernah memohon mengeluarkan hasil-hasil ini untuk menambah pendapatan. Walau bagaimanapun, atas tanggapan pihak tertentu, mereka dianggap belum layak, lantas tidak diper-timbangkan. Oleh yang demikian, hasil ini dinikmati oleh mereka bukan Orang Asli. Saya mencadangkan Orang Asli diberi keutamaan dengan memberi permit mengeluarkan hasil-hasil hutan yang terdapat dalam kawasan mereka. Mereka mempunyai sebuah koperasi, koperasi Kerjamas Bhd. manbantu urusan perniagaan bahan-bahan tersebut. Perkara ini bukanlah luar biasa kerana telah dimulakan di Gua Musang, Kelantan pada tahun 1982 dan rnenunjukkan kejayaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Petua, mengenai dengan pendidikan. Pendidikan adalah asas sosialisasi manusia. Kelembapan integrasi Orang Asli dalam masyarakat nasional adalah juga kerana di antara lain majoriti daripada mereka kurang berpendidikan. Lantas wujud rasa rendah diri, dengan izin, inferiority complex di kalangan masyarakat itu, Keadaan ini juga tidak membolehkan mereka rnendapat pekerjaan di sektor awam dan swasta dan berinteraksi dengan masyarakat umum lain. Saya berpendapat, pendidikan adalah proses pengintegrasian dan asimilisasian sesebuah masyarakat, dan ini boleh diaplikasi kepada masyarkat Orang Asli.

Unsur-unsur Orang Asli mahu tampil ke hadapan sudah kelihatan. Banci pendudukan yang dibuat menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada tahun 1985 sejumlah 11,020 penuntut Orang Asli di merata buah

sekolah termasuk institusi pengajian tinggi. Pada tahun 1989 terdapat 13,270 murid dan pada tahun 1990 jumlahnya ialah 13,335 orang. Daripada jumlah itu, terdapat hanya 66 orang sahaja graduan; 15 memiliki ijazah dan 51 diploma. Kementerian Pendidikan telah berusaha mengemaskini sistem pendidikan dan pembelajaran sesuai dengan suasana tempatan. Bagi Orang Asli, saya melihat jumlah 66 itu amat kecil berbanding dengan jumlah penduduk keseluruhannya 72,049 jiwa. Oleh yang demikian, untuk mempercepatkan proses integrasi dan perpaduan ke dalam masyarakat Malaysia, perkara-perkara tadi termasuk aspek pendidikan ini, saya mencadangkan dikaji semula, disemak semula dan diimplimentasikan di mana-mana yang boleh. Jadi, saya tidak hendak berpanjang lebar ucapan saya seperti yang telah diutarakan tadi iaitu sebanyak 10 minit.

Dengan itu, untuk mengakhiri ucapan saya ini, saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari perasmian Parlimen Kelapan pada 4hb Disember, 1990. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail.

4.54 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail : Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya ingin mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang telah diadakan pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember, 1990.

Persidangan kali ini menyedarkan kita tentang kedewasaan kita yang sudah menjangkau selama 33 tahun rnerdeka. Dekad-dekad perjuangan Perikatan dan Barisan Nasional yang telah berlalu telah

meninggalkan kepada kita timbunan khazanah yang kaya dengan pengalaman dan pengajaran yang amat bernilai untuk ditoleh dan ditelaah oleh generasi perlanjut perjuangan yang ingin belajar dari sejarah dan perjuangan generasi yang silam. Juga, persidangan kali ini telah menghantar kita semua ke ambang pintu tahun 1991 dalam perjuangan meninggikan harakat dan mertabat rakyat Malaysia menerusi perjuangan Barisan Nasional. Insya Allah, dari segi ini kita akan terus menapak ke hadapan, menyusun hari esok dengan segala situasi-situa-situa baru yang serba mencabar. Semoga kita akan mampu meneruskan perjalanan dengan sikap istikhamah berpandukan garis-garis besar haluan perjuangan yang mantap, sesuai dengan sifat sebuah gerakan politik yang komited secara serius kepada cita-cita perjuangan untuk melihat rakyat Malaysia sebagai satu bangsa yang bemarkuah.

Pada masa ini, persekitaran kita masih hangat dengan bahang pilihanraya yang baru lalu. Bila mengimbaskan kembali akan situasi pilihanraya ini, kita menjadi insaf dan timbul rasa cinta yang amat mendalam kepada ahli-ahli Barisan Nasional dan khususnya kepada UMMO yang begitu komited dan telah mengorbankan dengan keringat yang gigih yang terbukti kesungguhannya bagi menentukan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu. Kemenangan ini juga telah membuatkan kita merasa muak dan benci dengan sikap keangkuhan beberapa pemimpin yang dianggapkan tokoh pemimpin sendiri yang telah menjadi hantu dan petualang yang sanggup mengkhianati bangsa, bersekongkol dengan puak yang tebal faham perkauman dan menentang Islam dengan secara terbuka.

Pada masa ini juga berdasarkan kepada beberapa kajian politik yang celah dibuat:, sebenarnya kita telah atau sedang menghadapi satu trend politik pilihanraya di mana sebahagian besarnya pengundi-

pengundi Cina tidak mengundi calon-calon Barisan Nasional. Sebenarnya trend politik ini bermula selepas 13hb Mei, 1969 apabila Perikatan telah jatuh dan Barisan Nasional telah ditubuhkan untuk mengambilalih kuasa. Kica merasakan style politik begini telah menjadi semacam satu penyakit dalam kancah politik di Malaysia dan ia-nya perlu dicari penyelesaian yang segera. Demikianlah betapa gawatnya situasi lingkungan kita. Hari ini kita sedang sama-sama menyaksikan klimaks politik.

Dalam kesempatan ini, saya ingin membuat sedikit sorotan mengenai apa yang berlaku dalam pilihanraya yang lalu. Kita semua tahu bahawa Karpal Singh yang amat terkenal di kalangan parti Pembangkang DAP yang pernah membaling buku kepada Speaker di Dewan Negeri Pulau Pinang. Beliau juga pernah mencabar Sultan Selangor dan cuba membawa Raja Melayu ke Mahkamah. Dan beliau juga dalam pilihanraya yang lalu dengan lantangnya menyatakan sanggup menggadai nyawa untuk menghalang pelaksanaan nilai-nilai Islam yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini. Rupa-rupanya manusia ini yang amat terkenal dengan sikap bongkak dan biadap, tetapi ternyata telah tersalah dalam membuat perhitungan politik dalam pilihanraya lalu. Kita berani menyatakan bahawa undi Melayulah yang merupakan faktor penentu dan menyebabkan Karpal Singh kecundang dalam pilihanraya kawasan Sungai Pinang.

Di samping itu, kita dengan rendah diri menyatakan syukur kepada Allah s.w.t. kerana pencapaian kemenangan pada keseluruhan pilihanraya adalah memuaskan, cuma di Kelantan sahaja. Dan baru-baru ini suasana politik negara telah dikejutkan pula dengan campurtangan Istana dalam bidang politik yang tidak sepatutnya berlaku.

Dilihat dari segi Perlembagaan, sebenarnya Perlembagaan tidak memberi apa-apa peruntukan untuk Istana turut campurtangan dalam hal politik. Oleh hal yang demikian, amatlah tidak munasabah jika pihak Istana memihak kepada mana-mana parti politik di dalam negara ini .

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya rasa serius ialah penyalahgunaan dadah. Daripada perangkaan yang saya dapat tahu, tidak tahu sama ada benar ataupun tidak, hampir setengah juta penagih dadah yang ada di negara Malaysia. Saya tidak tahu apakah rancangan yang telah dibuat pada hari ini, perbelanjaan yang telah dilakukan dan tempat-tempat yang kita telah tempatkan mereka ini sama ada berkesan ataupun tidak.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengesyorkan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa apa yang berlaku dalam tempat-tempat yang tertentu termasuklah kawalan-kawalan yang terdapat dalam penjara sendiri, pengedaran dadah yang berlaku pada beberapa bulan yang telah sudah amatlah mendukacitakan kita. Sudah tentulah kalau tempat yang terkawal ini dapat dimasuki apatah lagi tempat-tempat yang lain. Di samping itu saya mengesyorkan juga kepada Timbalan Menteri supaya mewujudkan menerusi Rukun Tetangga dan masyarakat-masyarakat kampung supaya diberikan kuasa yang lebih dan menentukan supaya penyalahgunaan dadah secara berleluasa ini tidak berlaku di dalam kawasan-kawasan yang tertentu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah hal pengguna. Saya ingin menyarankan bahawa barang-barang pada hari ini yang telah dijual haruslah kita lihat kerana masalah TV ini tarlampau banyak memainkan perkara-perkara, "kum-kumlah", 'tam-tamlah', tak tahu apa lagi, "ni-nilah" dan sebagainya yang tidak mempunyai erti langsung, cuma makanan-makanan perasa yang telah membawa anak-anak kita membelanjakan berpuluh-puluh ringgit. Ianya meresapi melalui kaca IV dan seterusnya kepada anak-anak kampung. Bandingkanlah bahawa anak-anak kampung sesudah terpengaruh dengan keadaan-keadaan ini sudah tentulah tidak dapat terkawal lagi. Saya berharap bahawa Hal Ehwal Pengguna ini akan meneliti segala barang-barang yang tidak membawa faedah kepada rakyat ini dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya cakap agak panjang ialah berkaitan dengan keseluruhan pendidikan. Walau apa kita cakap sekalipun dalam masalah yang ditimbulkan, ia

berhubungkait dengan masalah pendidikan. Saya menyokong penuh atas dasar Akta Pendidikan yang telah dibincangkan untuk diubah dan membicarakan tentang keadaan hidup masyarakat ini dan yang penuh dengan bermacam kerenah di tengah-tengah pembangunan yang pesat berjalan. Maknanya kita sedang mencari satu formula untuk mengatasi masalah dan jika melihat kepada skop yang lebih luas tentang fenomena yang sedang berlaku dalam dunia hari ini, seperti keruntuhan akhlak, yang saya sebutkan tadi penagihan dadah, ancaman ekonomi, penggunaan senjata nuklear, krisis politik dan segala macam hal, maka kita akan sampai ke satu kesimpulan bahawa di atas semua ini dan di sudut jangka panjang, situasi international benar-benar memerlukan usaha pendidikan yang benar-benar efektif.

Di Malaysia walaupun kita menghadapi banyak masalah, tetapi alhamdulillah, masalah-masalah itu tidaklah sebesar dan sehebat dari apa yang berlaku di negara-negara lain. Untuk melihat keadaan yang sedang dihadapi oleh golongan remaja di negara Barat, saya ingin merujuk kepada gambaran yang telah diberikan oleh seorang ahli pendidik Barat. Profesor Alan Bloom di dalam bukunya berjudul, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *The Closing of The American Minds* yang menyatakan bahawa krisis intelektual sedang berlaku dalam dunia pendidikan Barat sekarang. Pelajar-pelajar sudah tidak dapat membezakan nilai-nilai yang baik dan buruk. Mereka lebih suka mendewakan penyanyi-penyanyi pop seperti Michael Jackson, Paula Abdul dan sebaliknya menganggap Presiden Amerika sebagai penjenayah.

Menurut Profesor Harold Tititus, keadaan ini berlaku di ancam lainnya adalah disebabkan oleh sistem pendidikan Barat yang nyata telah memisahkan dirinya daripada warisan rohaniyah. Sistem

pendidikan ini dapat memenuhi beberapa keperluan kebendaan tetapi dalam masa yang sama telah menimbulkan krisis dalam individu didikannya. Oleh kerana penekanan kepada aspek mental dan fizikal telah diberikan secara berlebihan, akhirnya menyebabkan berlakulah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the humanisation ataupun proses penternakan yang menurunkan darjat dan martabat dirinya .

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Rashid , kalau boleh ringkas sedikit kerana ada dua tiga orang lagi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ya , saya hendak ringkaskan **ini**. Ada dua lagi, tetapi saya habiskan satu ini . Ada dua keping lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang menurunkan darjat mertabat diri insan menjadi lebih rendah daripada haiwan atau status haiwan dan kemungkinan melihat kepada model pendidikan semacam ini maka jauh. sebelum ini pujangga Sir Mohamad Iqbal menyatakan bahawa sistem pendidikan Barat telah banyak memberikan kemudahan kepada kita tetapi sistem pendidikan Barat tidak mampu untuk menjadikan hati kita menjadi khusyuk.

'Konsep pendidikan bersepadu yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah sebagai menggantikan sistem pendidikan. Barat yang berlandaskan satu disiplin ilmu yang terpisah-pisah. Kita cukup berharap agar pelaksanaan KBSM dapat berjalan dengan baik dan teratur. Kita juga ingin melihat pelaksanaan ini sebagai satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab walaupun kita akan melihat hasilnya dalam jangka masa 20 tahun yang akan datang.

Kita haruslah mempunyai satu keyakinan bahawa institusi sekolah dapat berfungsi sebagai penggerak perubahan dan kita harus melihat bahawa keberkesanan pendidikan ke arah pembangunan insan bersepadu akan dapat berlaku dengan sempurna sekiranya ada kerjasama persefahaman dan kegembelingan seluruh agen pendidikan, sama ada pendidikan formal, tak formal dan bukan formal dan sebagai institusi pendidikan formal yang dilengkapi dengan tenaga pakar, kemudahan infrastruktur dan kewangan serta kedudukan yang strategik, sekolah mempunyai amanah untuk menggerakkan perubahan bukan sahaja dalam wilayah semuanya tetapi juga berkewajipan membangunkan masyarakat seluruhnya.

Sedikit lagi, Tuan pengerusi, saya hendak menghabiskan.

Sekali lagi saya ingin merujuk kepada sumbangan berharga para guru. Seringkali kita bercakap fasal sekolah ini kalau kita tidak cakap fasal guru tidak boleh, saya perhabiskan, kerana dia ada kaitan.

Tuan Adam bin Kadir: Berapa lama lagi?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ada dalam tiga empat minit lagi.

Tuan Adam bin Kadir: Lama sangat ini. Kalau boleh ringkaskan dalam satu minit setengah lagi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan. Sekali saya ingin merujuk kepada sumbangan yang berharga para guru yang telah banyak menaburkan jasa dalam perjuangan membebaskan negara dari belunggu penjajahan serta perjuangan menuntut kemerdekaan tanahair di dalam dekad awal selepas

kemerdekaan mencatatkan bahawa guru-guru telah banyak berkorban kepada masyarakat dan negara, Nama-nama seperti Pendita Za'ba dan Aminudin Baki bukan hanya tokoh-tokoh dalam bidang pendidikan tetapi juga merupakan penjuang bangsa yang memiliki semangat yang kental. Catatan sejarah ini juga membuktikan bahawa para guru bukan hanya sekadar sebagai pendidik tetapi telah diterima oleh masyarakat sebagai pemimpin dan pejuang bangsa.

Demikianlah pandangan singkat saya terhadap peranan guru di dalam sejarah yang lalu. Pada hari ini dalam zaman moden yang serba kompleks, keadaan telah berubah dan peranan sesetengah guru sebagai satu peribadi menjadi satu faktor yang cukup penting. Hari ini dapat dilihat dalam rangka usaha ke arah pembinaan insan sepadu serta dalam rangka untuk meletakkan ilmu di bawah naungan nilai akhlak yang tidak terjerut pula dari realiti dan kebenaran sejarah dan situasi masyarakat setempat. Ini sedang diusahakan menerusi program KBSM dan pendidikan bersepadu oleh Kementerian Pendidikan. Kejayaan pelaksanaan program ini banyak bergantung kepada peranan dan personaliti guru itu sendiri.

Saya lebih cenderung untuk menyatakan bahawa perubahan ilmu dan anak yang dididik mestilah dimulai dengan perubahan guru. Pepatah Melayu ada mengatakan: "Kalau guru kencing berdiri anak murid kencing berlari". Pepatah ini mengabadikan hakikat betapa besarnya pengaruh guru di atas anak didik. Guru menjadi alat pandang dengar dan muncul dalam setiap matapelajaran di hadapan murid dan mereka diingati kerana mereka sentiasa dikaitkan dengan pengalaman emosi murid-murid.

Pengajaran yang telah diajar mungkin telah dilupai tetapi guru bagaimana sikap dan gaya bawaannya, layanan terhadap muridnya, keikhlasan dan kejujuran akhlaknya itu masih diingati. Bahkan sesungguhnya lebih meninggalkan kesan atas anak didiknya.

Oleh sebab masa yang telah Tuan Yang di-Pertua beri hanya satu minit setengah, saya meminta maaf tetapi saya berasa bahawa Jabatan Pendidikan ini haruslah memainkan peranan yang penting untuk menentukan supaya murid-murid yang kita telah ajar dan guru-guru yang kita akan tentukan supaya rancangan KBSM ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan baik dan dapat melahirkan insan-insan yang kamil. Jadi saya terpaksa menekankan kerana semua isu yang dibangkitkan pada hari ini bermula dan bertitik tolak dari pendidikan.

Dengan **itu**, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya terpaksa berhenti tetapi rasa terkilan kerana masih ada lagi dua tiga perkara. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ucapkan terima kasih sekali lagi dan saya ingin menyokong Usul yang telah dibawa pada hari Isnin, 17hb Disember, 1990. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sepatutnya Yang Berhormat Tuan C. Krishnan akan berucap sepertimana yang dijadualkan. Tetapi beliau telah memberi notis tidak bercakap.

Jadi, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad. Dipersilakan.

5.11 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya bagi membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Yang Pertama, Parlimen Yang Kelapan pada 4hb Disember, 1990

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sukacita menyentuh beberapa perkara antara lain ialah mengenai penghargaan Kerajaan di atas kejayaan Suruhanjaya Pilihanraya dan Polis Di Raja Malaysia yang menunjukkan kesungguhan bekerja keras dan menjayakan pilihanraya umum dengan adil dan saksama.

Kejayaan Suruhanjaya dan pihak Polis itu perlulah direkodkan tentang langkah-langkah dan pelaksanaan serta strategi yang dibuat agar menjadi panduan untuk masa hadapan. Saya sebutkan hal ini kerana sebelum pilihanraya umum itu beberapa pilihanraya kecil telah diadakan seperti pilihanraya di Pantai Merdeka dan pilihanraya kecil di Terengganu. Dalam pilihanraya kecil itu beberapa perbuatan-perbuatan berbentuk jenayah mula dicetuskan. Mungkin kejadian-kejadian ituiah membawa Suruhanjaya Pilihanraya dan pihak Polis dapat mengatur strategi yang mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya yang lalu, dan lain-lain yang diambil panduan.

Dengan itu, rekod itu perlu untuk panduan pilihanraya yang akan datang. Jika berlaku pertukaran pegawai-pegawai juga boleh memberi faedah. Dalang yang membuat strategi dan melaksanakan urusan-urusan pengkhianatan itu perlulah sedar bahawa perbuatan itu umpama ludah ke langit, akhirnya negara dan diri pengkhianat itu sendiri akan tidak dapat dihindarkan daripada kecelakaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai peristiwa yang menimpa jemaah haji di Muassam, Arab Saudi, rakyat amat bangga sekali bukan sahaja langkah yang segera dapat Kerajaan bertindak dalam menguruskan jenazah dan lain-lain yang ada berkaitan dengan peristiwa itu. Bahkan dapat menimbulkan pendekatan yang memberi manfaat untuk masa-masa ke hadapan. Acap kali tiba musim haji tidak sunyi kedengaran rakyat negara ini yang tergendala dalam perjalanan untuk menunaikan fardu haji. Berlakunya kerana ada pihak-pihak penganjur yang cuai di dalam pengendalian urusan-urusan membawa bakal-bakal haji itu. Berlakunya penyertaan bakal-bakal haji melalui penganjur-penganjur swasta itu bukan sahaja disebabkan bayaran yang murah tetapi kesan kerapen melalui orang tengah berjalan dari rumah ke rumah. Mengapa tidak boleh wujudnya orang tengah sedangkan pendapatan orang tengah setiap jemaah mereka akan mendapat antara \$100 hingga \$250. Atau jika dapat 20 orang jemaah, dia akan dapat menunaikan haji dengan percuma ataupun wakil pengutip wang itu akan dapat menunaikan haji dengan percuma.

Memandangkan kegiatan-kegiatan itu boleh menjejaskan nama baik Kerajaan kerana kesalahan pihak swasta itu diburuk-burukkan kepada Kerajaan dengan pelbagai-bagai dakyah. Dalam soal ini perlu tindakan tegas dibuai oleh Kerajaan supaya rakyat tidak teraniaya.

Di sini saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam adakah Kerajaan akan mengambil langkah atau tindakan hingga terhukumnya pihak-pihak penganjur bersabit dengan kecuaiannya ataupun kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai disiplin dan semangat

gigih hingga ancaman bersenjata komunis di Semenanjung ditamatkan dan pembubaran Parti Komunis Kalimantan Utara di Sarawak oleh Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Di Raja Malaysia, dalam keadaan keamanan yang Allah berikan ini rakyat negara ini tentulah sekali berpeluang mengubah sikap negatif kepada sikap positif dan inilah peluang keemasan untuk merencanakan perubahan itu. Bagi masyarakat Angkatan Bersenjata termasuk famili mereka, pihak Kerajaan tentulah sedia membuka peluang seluas-luasnya dan menganjurkan sesuatu perancangan hingga ke tahap dapat menjadikan mereka pakar dalam bidang-bidang persenjataan dan pembangunan ekonomi dan politik bagi famili ataupun keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sosio-ekonomi, rmatlmat untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, pencapaian penurunan 355 dalam jangka masa 20 tahun adalah satu kadar yang dibanggakan. Namun demikian, kadar itu boleh ditingkatkan jika sekiranya kehendak-kehendak masyarakat terutamanya di luar bandar dapat ditingkatkan dengan penggembelangan semua jabatan-jabatan yang terbabit termasuk Jabatan Penerangan, KEMAS, JKK bahkan Rela juga. Justeru itu, projek-projek yang melibatkan masyarakat luar bandar, masyarakat perlu disebarakan kefahaman, matlmat dan jangkaan kelabaan yang mungkin didapati. Di lihat dari sudut itu Jabatan Penerangan, KEMAS, JKK dan Rela yang selama ini memainkan peranan yang gigih yang amat berkesan kepada masyarakat amat perlu diberi perhatian. Kursus-kursus peningkatan produktiviti perlu diadakan. Memandangkan itu juga peruntukan tambahan kewangan bagi aktiviti dan kegiatan dan kenaikan ganjaran ataupun elaun patut diberi .

Dalam mempertingkatkan ekonomi penduduk luar bandar, peruntukan-peruntukan khas perlu diberi terutama bagi petani-petani dan pesawah padi yang langsung tidak dapat mengerjakan sawah padi pada tahun ini kerana sawah padi tidak ada air, beribu-ribu hektar luasnya terutama di negeri Perlis iaitu kawasan luar MADA. Dengan adanya peruntukan khas itu petani-petani dengan bimbingan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan dapatlah mewujudkan kegiatan-kegiatan berbentuk ekonomi bagi menampung kekurangan pendapatan akibat tidak dapat ke sawah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, suatu yang ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Ucapan yang disifatkan intipati yang penting ialah mengenai perpaduan kaum. Masa berjalan dengan begitu laju, Kelajuan waktu menjangkau ke abad yang ke 20, abad yang mencabar kehidupan manusia. Tahun 1990 dekad dunia dilanda perubahan. Perubahan begitu ketara baik barat mahupun timur, perubahan drastik berlaku di mana-mana baik di China ataupun pada akhir-akhir tahun 1989 mahupun kepada.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, kalau boleh ringkaskan sedikit.

Tuan Saidin bin Mohamad: Terima kasih. Mahupun pemecahan tembok besar Berlin pada tahun 1990 ini yang memisahkan jurang berlainan ideologi. Zaman ini makhluk Allah manusia membawa kemajuan tanpa menghiraukan ranjau walau sepanjang jalan. Yang lambat ataupun yang lembik tidak mahu mengubah sikap ketinggalan ke belakang. Justeru itu, perpaduan sesuatu umat yang boleh menjadikan kuat untuk semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu lidi yang kecil mudah dipatah-patahkan, tetapi jika dipadukan, dihimpun dan diikat segemal sekurang-kurangnya sepuluh menjadi begitu utuh, sukar untuk dipatah-patahkan. Allahyarham Soekarno dalam suatu pidato

menegaskan bahawa: 'Beri kepada aku sepuluh orang pemuda berjiwa perwira negara, aku akan menggoncangkan dunia'. Begitulah kuatnya kalau sekiranya sepuluh orang pemuda berjiwa perwira negara, tetapi kalau seorang tentulah Allahyarham Presiden Soekarno tidak berani mengeluarkan kata-kata demikian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya sebagai menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sekarang kita sampai kepada pembahas yang terakhir iaitu Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim. Dijemput. Saya haraplah jangan lebih daripada 5.35, dalam 12 minit.

5.23 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya penghabisan ini kerak nasilah kata orang, kadang-kadang sedap, kadang-kadang terbuang.

Tuan Adam bin Kadir: Cuba, cuba.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam ucapan Duli Tuanku telah menyentuh yang pertama saya rasa kalau tidak silap fasal Pilihanraya. Saya juga ingin menyentuhnya walaupun ramai rakan-rakan saya telah menyentuh fasal pilihanraya. Saya rasa kalau kita tidak banyak sentuh fasal pilihanraya ini, Dewan kira besok dipenuhi oleh orang lain.

Satu daripadanya pilihanraya yang baru ini masih berlaku lagi pengundi-pengundi tercari-cari nama, pergi ke beberapa tempat

untuk hendak buang undi, tidak ada nama. Nama yang mati masih **ada**. Ini harus diambil perhatian berat untuk masa-masa akan datang. Setiap tahun ada semakan dan pendaftaran tetapi berlaku juga perkara demikian. Maka ini sangat-sangat mustahak, kadang-kadang seolah-olah orang tahu dia itu penyokong Barisan Nasional, potong nama orang itu. Ini berlaku dalam pilihanraya baru-baru ini.

Satu lagi saya sebut ringkas-ringkas, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1992 kalau tidak silap saya, kawasan pilihanraya akan dikaji semula ataupun dipertambah lagi kawasan, kita tidak tahulah, mengikut 10 tahun sekali. Ini juga kita harus **teliti**. Kalau tidak, kita menambahkan kawasan Pembangkang, kita ubah kawasan pilihanraya itu dipecah-pecah, dibahagi-bahagi, tetapi bila pilihanraya sekali pun kita tidak pernah menang. Ini berlaku di Pulau Pinang. Maka pada kali ini saya bimbang lagi, kalau pemecahan sedemikian rupa kita hanya menyediakan tempat Pembangkang terutama di Pulau Pinang.

Saya ingin sorot kembali kepada soalan saya pada sessi dua tiga kali yang telah lepas kepada Yang Berhormat Dato' kita, Dato' Timbalan Menteri Dalam Negeri, berkaitan dengan Pulau Jerejak. Adakah Pulau Jerejak ini akan diubah banduan-banduan itu ke tempat lain? Jawabnya, tidak ada rancangan Kerajaan. Hari ini telah berpindah, Dato', sudah pindah ke tempat lain. Pulau itu akan dijadikan satu pembangunan pelancongan, pembangunan industri, jadi akan menambah di situ, siapa hendak duduk? Cuba kita ingat sekejap. Kawasan itu termasuk di dalam kawasan pilihanraya Balik Pulau, kalau dipecah-pecah besok kawasan itu akan jadi satu kawasan baru, maka sedialah orang lain yang dapat. Ini kita harus **teliti**.

Saya sangat terkilan juga jawapan Dato' itu baru sangat lagi kata tak hendak pindah, tidak ada rancangan Kerajaan hendak pindahkan banduan, tiba-tiba senyap-senyap sahaja. Ini ada anak saudara saya pegawai Penjara, kawan-kawan kampung kita cerita hendak tukar pergi tempat lain, fasal **apa**, Pulau Jerejak itu hendak buat tempat pelancongan. Baru lagi tanya dekat Dato' **ini**, dia kata tidak ada hendak buat rancangan apa pun. Jadi macamana **ini**? Soal pembangunan kita ini macamana? Perancangan pembangunan desa dan bandar macamana?

Kalau tidak ada rancangan yang bertahun-tahun, kita tengok macam cendawan tumbuh selepas hujan. Ini harus, saya takut lagi sekali tahun 1992 ini tidak ada, semak punya semak, kaji punya kaji, ubah kawasan, ingat kita dapat tetapi dapat dekat orang lain. Dua negeri sudah terlepas. Ini sangat sensitif, perkara ini kita kena kaji, mungkin agaknya tidak begitu pada pandangan saya ini, tetapi kadang-kadang orang-orang kampung cakap ini logik juga.

Menyentuh fasal agama, tadi dalam soalau saya hendak tanya tidak sempat, mungkin Speaker tidak nampak walaupun saya pakai baju hijau dan kuning hari ini, banyak kali saya bangkit tidak nampak juga. Saya hendak tanya sebab, sesudah pilihanraya ini Kelantan terlepas kepada PAS, dia kata wanita tidak boleh kerja malam **[Ketawa]** . Tidak boleh kerja malam, teruk ini, **[Ketawa]** di kilanglah kan! Yang Berhormat Ainon kata kilang, ada juga di sebalik kilang itu ibaratkannya kepada wanita, tidak boleh kerja malam.

Itu daripada segi mencari rezeki, tetapi daripada segi agama, Tilawatul al-Quran pun dia tidak beri wanita. Semasa 18 tahun diperintah dahulu tidak pernah pun perkara ini dibangkitkan. Bila

tiba Kerajaan yang baru ini pula, wanita tidak boleh hendak masuk Tilawatul al-Quran. Ini apa ini, tidak berubahkah? Macamana hukum agama Islam kita? Tengok, kerana pilihanraya sahaja. Kalau selalu jadi macam **ini**, menghasut sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi, rakan-rakan saya yang telah bercakap dahulu, rosak akidah, siapa yang merosakkan akidah kita ini? UMNO atau PAS?

Beberapa Ahli: P A S

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Betul [Ketawa]

Ini kita kena tengok. Sebab masa pendek, saya hendak sentuh sedikit-sedikit. Kalau hendak ikut, banyak.

Tuan Adam bin Kadir: 4 minit lagi.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Lagi satu saya hendak sentuh berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan pembangunan Masyarakat

Berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini, sekarang ini anak-anak kita yang terbiar, macam kes baru di Terengganu ini, saya ingat itu terletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya rasa pegawai yang ada tak cukup. Dengan adanya perpaduan, dengan adanya kebajikan masyarakat, saya mencadangkan ditambah di peringkat negeri dan di peringkat daerah-daerah pegawai-pegawai khas sebagaimana Jabatan Penerangan buat, fasal itu pilihanraya menang, pegawai-pegawai khasnya ada banyak merata-rata kawasan, jadi inipun kita buat. Adakan pegawai khas untuk mencari perkara-perkara yang macam ini. Jangan sudah setengah mati kanak-kanak kita itu baru sedar, dicucuh dengan puntung rokok.

Cuba kita rasa kita hisap rokok ini, kalau terkena sedikit pun puntung api rokok itu, sakit yang amat. Ini dicucuh kanak-kanak itu, macam itu. Saya setiap kali keluar di dalam televisyen, air mata saya keluar, saya rasa macam mana sakitnya kena api. Tetapi kanak-kanak yang macam ini sudah berbulan berlaku, tak ada siapa yang sedar. Maka kita lantik pegawai-pegawai khas yang terdiri daripada wanita, dia ini tekun ikut arahan. Kalau tak percaya, kita perhatikan masa pilihanraya, siapa yang jaga Rumah 10, Ketua 10? Semua wanita. Dia tahu selok-belok itu semua, dia tahu bukan pengundi, dia tahu orang luar.

Maka kalau adakan pegawai khas yang ada di dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini tadi, perhatikan bukan sahaja kanak-kanak, suami-isteri, ibu-ibu tua yang tidak dipedulikan oleh anak-anak yang menderita, banyak perkara yang kita boleh dapat tahu supaya matlamat kita hendak meninggikan taraf hidup luar bandar itu sampai kepada matlamat yang kita hendak tujukan. Orang miskin, orang susah, orang yang teraniaya, wanita yang teraniaya, kanak-kanak yang teraniaya tidak akan berlaku lagi, tidak ada lagi berita-berita sedemikian kalau kita benar-benar bekerja untuk ke arah itu.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, tolong ringkaskan, dua minit lagi.

Puah Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Ya, saya pun hendak bercakap setakat itu sahaja [**Ketawa**], sebab sudah sampailah rasa saya apa yang saya hendak sebut, sebab banyak orang tak sentuh. Walaupun begitu, saya simpati dengan rakan saya tadi daripada Orang Asli. Saya ingat tak ada beza dengan kita ini. Tengok rupa sama, kadang-kadang handsome lagi. Jadi patut kita pun ambil berat sama kerana kalau kita undi satu, dia pun undi satu, maka orang-orang macam ini harus dibela. Kalau tidak, dapat kepada orang lain esok, kita putih mata.

Mengenai tentera, Saya ini baik dengan tentera di Pulau Pinang. Sampai 30 tahun muziumnya sementara. Ada rayuan, ada soalan, patut kita kekalkan, carikan satu tempat yang lebih bagus daripada itupun kita boleh buat, kenapa ini orang yang menjaga keselamatan ini kita hendak ambil sambil lewa sahaja. Polis, Tentera, kalau mereka tidak bekerja kuat, komunis itu masih ada, kita ini tidak selamat. Jadi rayuan-rayuan ataupun penghargaan yang

lebih tinggi patut kita berikan kepada mereka, macam sebuah muzium itu banyak mana sangatlah. Keadaan kita sekarang sudah begitu lumayan, patut kita gunakan kuasa kita itu semasa kita memerintah, Orang Pulau Pinang kata, kalau ada harta kita tak erti, kita jadi orang bodoh. Jadi masa kita ada harta, kita erti menggunakannya untuk kebaikan pada masa depan.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberi amaran, saya pun sudah puashati dapat bercakap sedikit.....

Tuan Adam bin Kadir: Bukan amaran, tetapi ingatan.

[Ketawa]

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Saya juga menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 4 haribulan lepas. Sekian. Wabillahi Taufik Wassalammu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Adam bin Kadir: Demikianlah 16 orang pembahas-pembahas Usul Titah Di Raja yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Sekarang kita sampai kepada peringkat Menteri-menteri menjawab. Dalam senarai saya sekarang ada 18 Kementerian akan menjawab, ada Kementerian yang tidak menjawab. Jadi, saya mulakan dengan Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan.

5.38 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran berhubung dengan dasar-dasar Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Usul Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Yang Berhormat Senator telah merakamkan penghargaan kepada Polis Di Raja Malaysia yang telah bertindak dengan cemerlang semasa diadakan Pilihanraya Umum yang lalu. Adalah menjadi tanggungjawab Polis untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam bagi kesejahteraan dan keselamatan negara pada setiap masa.

Menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Habidah Jusoh yang menggesa diperketatkan lagi kawalan bagi menyekat kemasukan dadah dari luar negeri, perkara tersebut telah dan masih diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Kawalan-kawalan rapi dijalankan pada setiap masa di semua kawasan sempadan dan piatu masuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan anggota Polis sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian ini. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah Mohd. Salleh, Kementerian ini telahpun diberi satu geran sebanyak \$500 juta untuk membina rumah-rumah anggota Polis di seluruh negara. Rumah-rumah tersebut adalah dalam proses pembinaan pada masa ini dan pada peringkat permulaan, ianya dilaksanakan di Pulau Pinang, Alor Setar, Kuala Lumpur dan Seremban sebelum hanya dilanjutkan ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ng Peng Hay meminta Kementerian Dalam Negeri mengkaji supaya visa pelabur asing, seperti daripada Taiwan dapat dikecualikan seperti yang dibuat oleh negara jiran Singapura, Thailand dan Indonesia.

Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji perkara ini, bukan sahaja bagi pelabur-pelabur dari Taiwan tetapi juga pelabur-pelabur negara lain. Jika ianya benar-benar memberi keuntungan kepada rakyat dan negara, layanan akan diberi atas perkara-perkara ini tetapi kalau semata-mata kerana kita hendak memberi layanan kepada pelabur-pelabur Taiwan tanpa memikirkan adakah ianya memberi keuntungan kepada rakyat dan negara, perkara ini tidak akan kita pertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah meminta Kerajaan memberi penghormatan yang tinggi dan layanan, istimewa kepada bekas-bekas anggota pasukan keselamatan seperti hadiah saguhati atau ganjaran. Yang Berhormat juga meminta Kerajaan mengkaji balik alat pejabat di balai-balai polis seperti kerusi dan mesin taip yang agak azur. Perkara yang pertama, ini akan diambil perhatian yang istimewa dan perkara yang kedua, dengan tercatatnya peruntukan lebih kurang \$500,000,000 untuk Polis Di Raja Malaysia bagi Belanjawan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, perkara ini juga akan dititikberatkan

Yang Berhormat Tuan Dol bin Dollah telah meminta Kerajaan berwaspada dalam menghadapi saki-baki komunis kerana bimbang mungkin mereka akan meresap dalam pertubuhan politik dunia atau kesatuan sekerja untuk meneruskan cita-cita mereka dan juga minta supaya ditubuhkan unit khas atau diperbesarkan unit dalam pasukan keselamatan untuk menghadapi masalah ini. Dalam hal ini, pihak Kerajaan terutama Polis Di Raja Malaysia sentiasa peka dengan masalah anasir-anasir komunis ini sebab anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia yang menganggotai unit ini adalah mencukupi dan berpengalaman.

Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah telah meminta Kementerian Dalam Negeri menggunakan unsur agama untuk mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah yang semakin bertambah dan meminta Kerajaan membuat peruntukan yang lebih jelas bagi menghadapi masalah dadah dalam Rancangan Malaysia Keempat. Inginlah saya nyatakan kepada Yang Berhormat bahawa perkara agama ini ialah, merupakan satu perkara yang cukup penting dan ini selalu saya sendiri menekankan sebagai Timbalan Menteri Dalam negeri dan juga sebagai Presiden PEMADAM di mana pelajaran agama serta syarahan agama adalah pelajaran dan juga acara yang mesti dilakukan di setiap hari di Pusat-pusat Pemulihan juga di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan di seluruh negara.

Kita telah mengadakan kursus-kursus khas bagi imam-imam dan juga pegawai-pegawai agama di seluruh negara agar mereka dapat merasai masalah-masalah yang dihadapi oleh penagih-penagih juga keluarga-keluarga penagih agar tok-tok imam dan pegawai-pegawai agama dapat membantu keluarga dan penagih-penagih ini mendekati agama agar tabii penagihan dadah yang buruk ini dapat dielakkan. Dua Pusat Hanabah yang mementingkan kerohanian diiktiraf oleh Kerajaan iaitu di Pulau Bidin, Kedah dan satu lagi di Kuala Terengganu di mana pelajaran agama dan aktiviti-aktiviti agama ditekankan dalam program pemulihan penagih-penagih dadah ini .

Tentang membuat peruntukan yang lebih jelas bagi menghadapi masalah dadah dalam Rancangan Malaysia keenam ini, sebenarnya tiap-tiap Kementerian ada peruntukan khas dalam hal dadah ini iaitu terutama Kementerian Dalam negeri, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan. Kementerian-kementerian lain juga ada memperuntukkan peruntukan-peruntukan bagi aktiviti-aktiviti tersebut .

Yang Berhormat Tuan Itam Wali telah menimbulkan masalah kelembapan pihak Kerajaan dalam memajukan sosio-ekonomi masyarakat orang Asli, Minta maaflah Yang Berhormat:, perkara ini saya tidak dapatlah memberi jawapan yang jelas kerana Jabatan ini baru sahaja dipindahkan. kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar-

Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail telah membangkitkan bahawa pada hari ini ada hampir setengah juta penagih-penagih dadah. Saya pun terkejut jugalah. Yang sebenarnya, Yang Berhormat, kita ada hanya 145,000 penagih-penagih. Daripada 145,000 ini, 80,000 merupakan hard-core addict, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Program pemulihan kita pula adalah dianggap program pemulihan yang terbaik di dunia kerana banyak negara-negara maju yang cuba meniru program pemulihan kita kerana program pemulihan kita hari ini telah mencapai baik-pulih 100% hainpir 35% yang mana ini merupakan peratus yang cukup tinggi, hampir dua kali ganda daripada peratus pusat pemulihan yang dikendalikan oleh United Nation iaitu hanya 17%.

Negara kita tidak hanya bercakap dalarn hal ini tetapi kita melaksanakan dengan cara yang serius. Kita ada apa yang di-katakan program pendidikan pencegahan, kita ada pusat pemulihan yang boleh menampung hampir 5,600 penagih dalarn satu masa pada hari ini dan kalau tidak cukup, kita akan bina lagi. Kita juga ada apa .yang dikatakan pemulihan lanjutan yang sudah wujud 45 buah di seluruh negara dan 40 buah lagi adalah dalam proses pembinaan. Apa yang diharapkan bahawa ibu-bapa dan masyarakat dapat menganggap bahawa semua pusat-pusat pemulihan ini adalah hospital bagi penagih-penagih dadah. Janganlah pula bila di sini bercakap, "tolonglah pulihkan", tetapi bila terkena dengan keluarga kita, bukan main lagi minta

janganlah masak Pusat Serenti dan sebagainya. Anggaplah Pusat-pusat Serenti ini sebagai hospital atau rumah sakit yang memulihkan penagih-penagih ini. Jadi, tidak banyaklah kita hendak belanja pagar pun tidak payah hendak kita dirikan dan tidak timbul lagi orang lari daripada pusat-pusat pemulihan. Masyarakat pula bila mereka pulang harap terimalah mereka ini sebagai manusia yang telah pulih daripada sakit supaya mereka tidak rasa kecil hati. bila mereka kecil hati, mereka akan balik menagih semula.

Yang Berhormat Ibu Hajah Salbiah binti Mohd. Akim. Saya seronok juga bila dengar Yang Berhormat Hajah Salbiah ini bercakap kadang-kadang dia bercakap loghat Utara, kadang-kadang dia bercakap telor orang Perak kerana saya kenal Ibu Salbiah ini orang Perak tetapi jadi orang kuat di Pulau Pinang. Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya dengan saya fasal hal Pulau Jerejak ini 3 tahun yang lepas. Dalam masa 3 tahun ini, macam-macam boleh berlaku, Yang Berhormat.

Jadi, tentang Pusat Tahanan Pulau Jerejak ini, atas permohonan Kerajaan Pulau Pinang, Kementerian Dalam Negeri (KDM) telah bersetuju secara dasar tetapi perkara ini belum muktamad lagi kerana perbincangan terperinci secara teknikal belum lagi selesai. Jadi, saya tidak tahu macam manalah Yang Berhormat tahu perpindahan telah-pun berjalan. Saya sendiri pun tidak tahu perpindahan masih berjalan kerana saya selalu tandatangan untuk menghantar orang ke Pulau Jerejak, Jadi, macam mana pula Pulau Jerejak ini sudah ditutup? Jadi, saya hendak pastikan dahululah betulkah sudah pindah tetapi yang sebenarnya perbincangan masih berjalan kerana ada masalah-masalah teknikal, mungkin pembayaran di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dan sebagainya. Bagaimanapun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Rerhormat Itu saya akan cuba ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Bagi lain-lain pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab oleh saya di Dewan ini, insya Allah, saya akan memberi perhatian yang sewajarnya bagi pihak Kementerian, Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

5.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang telah menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tetapi kita nampak bahawa tidak berapa ramai Ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar,

Ini membuktikan bahawa topik pembangunan luar bandar sudah tidak menimbulkan minat di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekaligus menggambarkan bahawa selama 33 tahun Kerajaan telah memperuntukkan begitu banyak peruntukan ke luar bandar sehinggakan hari ini pembangunan luar bandar begitu pesat dan menonjol sekali dan akhirnya wakil-wakil rakyat dan juga Senator-senator sudah menganggap bahawa pembangunan luar bandar sudah tidak menjadi masalah bagi kita semua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dua orang Yang Berhormat yang menimbulkan masalah pembangunan luar bandar iaitu Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay yang menginginkan supaya pihak KEMAS memberikan latihan jahitan kepada penduduk-penduduk di Melaka untuk diserapkan di kilang-kilang pakaian. Mengenai perkara ini, KEMAS memang mempunyai peruntukan ataupun program latihan yang telah kita sediakan dalam Rancangan

Malaysia Kelima dan juga Rancangan Malaysia Keenam. Di atas cadangan ini juga kita akan ambil ingatan dan kalau ada mempunyai program yang khusus bagi melatih untuk pekerja-pekerja kilang ini , kita akan cuba accomodate permohonan daripada Yang Berhormat ini .

Yang kedua ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat; Itam Wali berkenaan dengan masalah sosio-ekonomi dan juga infrastruktur di kawasan Orang Asli. Begitu juga seperti penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Jabatan Orang Asli ini baru sahaja dipindahkah ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dalam program tahun 1991 ini kita akan cuba mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan masalah-masalah yang masih tertangguh di kalangan Orang-orang Asli. Sebenarnya Kementerian ini telahpun bermula untuk mencari pendekatan baru dan akan menjemput Yang Berhormat sendiri untuk memberikan input-input cara mana kita akan dapat memperbaiki reponse daripada Orang-orang Asli supaya mereka dapat bersama-sama untuk turut di dalam "mainstream" pembangunan negara kita,

Jadi, itulah sahaja yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Perkara yang lain itu hanya sambil lalu sahaja. Namun demikian, kami mengambil ingatan di atas apa juga perkara-perkara yang telah dibangkitkan menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Dipersilakan Kementerian Pengangkutan.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kssih kepada Yang Berhormat Senator P. Balaram yang telah membangkitkan perkara mengenai Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Senator P. Balaram telah membangkitkan mengenai kebersihan dan keadaan koc-koc Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang dikatakan kurang memuaskan. Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bagi kerja-kerja pembersihan koc-koc, KTM telah meletakkan piawaian tertentu bagi menentukan koc-koc barada dalam keadaan bersih dan selesa. Pembersihan dan cucian dilakukan di bahagian luar koc, bahagian dalam koc, tandas-tandas koc, lantai-lantai tempat duduk, siling dan semua peralatan kelengkapan luar dan dalam koc dan tandas-tandas setiap hari.

Selain dari itu, setiap tren penumpang disediakan dengan dua oraag pencuci yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pencucian semasa tren dalam perjalanan. Penyelia dan pengawal tren akan memeriksa dan memastikan setiap kerja yang dijalankan oleh pencuci itu mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat koc-koc khususnya koc-koc Kelas Tiga yang telah usang dan didapati sukar untuk dilihat atau dinilai bersih walaupun telah dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri untuk mangalami keadaan ini telahpun menaiki mel malam keretapi dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru untuk pengalaman sendiri dan saya dapati semasa tren mula berjalan, memang keadaan tandas semua bersih. Dalam perjalanan pun dari satu masa ke satu masa pencuci-pencuci akan membersihkan

tandas. Tetapi apabila sampai dekat-dekat Subuh, pukul 4.00 sampai pukul 5.00-5.30, keadaan tandas begitu kerap digunakan dan tidak ada masa untuk dibersihkan. Maka kalau kita masuk pada ketika itu, kita dapatlah keadaan tandas itu begitu buruk sekali. Ini dari pengalaman saya sendiri, saya tengok keadaan itu supaya saya dapat menjawab dengan tepat perkara ini. Oleh kerana itu kita meminta jugalah supaya penumpang-penumpang memberikan kerjasama bagi menjamin koc-koc tersebut sentiasa berada dalam keadaan bersih apabila mereka menggunakan tandas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator P. Balaram supaya Kerajaan menswastakan KTM secepat mungkin, ingin saya memaklumkan di sini bahawa tindakan-tindakan untuk memperbadankan KTM sedang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Pengangkutan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan kepada Kementerian Pengangkutan.

Tuan Adam bin Kadir: Dipersilakan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.57ptg

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan ikhlas dan syor-syor untuk membolehkan saya mempertingkatkan lagi tahap prestasi Kementerian saya.

Adalah menjadi hasrat Telekom Malaysia untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan telefon secara 'on demand' atau memberikan

perkhidmatan kepada sesiapa yang memerlukan secara serta merta. Usaha ini jelas terbukti dengan tindakan-tindakan Telekom Malaysia mengamalkan sistem komputer seperti CASS (Customer Automated Service System), dalam mana permintaan pemohon diproses secara 'on the spot' atau serta-merta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, demand atau permintaan untuk perkhidmatan telefon telah meningkat berlipat ganda. Dalam tahun 1990 umpamanya, pertumbuhan pelanggan adalah pada kadar 14.9% melebihi ramalan awal pertumbuhan nasional pada kadar 12%.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan ini adalah untuk menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Senator P. Balaram yang telah menyentuh soal kemudahan telefon di projek-projek perumahan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Telekom Malaysia sebenarnya memang telahpun mengambil tindakan secara agresif dalam merancang penyediaan kemudahan rangkaian telekomunikasi bagi memenuhi permintaan itu. Telekom Malaysia memang telahpun mengamalkan konsep perancangan jangka panjang dalam penyediaan rangkaian telekomunikasi iaitu dari segi penyediaan peralatan ibusawat, penyediaan rangkaian tempatan dan rangkaian jauh. Namun begitu, Telekom Malaysia mengalami beberapa masalah dalam merangka rancangan-rancangan itu, oleh kerana Telekom Malaysia kadangkala tidak mengetahui atau tidak diberitahu terlebih dahulu cadangan pembinaan satu-satu projek perumahan, sehinggalah projek itu siap. Di sini perlulah ditegaskan bahawa Telekom Malaysia juga memerlukan 'lead time' yang cukup untuk penyediaan kemudahan telekomunikasi yang diperlukan.

Oleh kerana Yang Berhormat Senator yang mengemukakan masalah

ini datangnya dari negeri Kedah, suka saya maklumkan bahawa Talekom Malaysia telahpun mengenalpasti tidak kurang dari 81 kawasan perumahan di seluruh negeri Kedah yang telah dimasukkan ke dalam perancangan untuk penyediaan kemudahan telekomunikasi. Sebahagian daripada kawasan-kawasan perumahan ini dijangka akan mendapat perkhidmatan telefon dalam pertengahan tahun 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat,

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Dipersilakan
Kementerian Kerja Raya.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tiaggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerja Raya saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang tugas Kementarian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa pembangunan infrastruktur jalan raya akan terus menjadi aktiviti terpenting Kerajaan yang akan diberi tumpuan utama untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balaram dalam ucapannya telah meminta kerajaan untuk membaiki sistem jalan raya di kawasan-kawasan perindustrian. Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna bagi kawasan-kawasan industri yang telah diluluskan di seluruh negara. Kementerian Kerja Raya sememangnya memberi keutamaan menyediakan kemudahan jalan masuk ke kawasan berkenaan bagi faedah pelabur-pelabur. Walau bagaimanapun, mengenai sistem jalanraya ke kawasan-kawasan yang tersebut perlulah disediakan oleh pemaju-pemaju yang terlibat seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelewatan kerja-kerja melebar, menurap dan meluruskan jalan di negeri Sarawak, adalah benar kenyataan Yang Berhormat Senator Wan Hamid Idrus Tuanku Haji

Mohamad bahawa salah satu sebab utama yang menyebabkan kelewatan itu ialah prestasi kontraktor-kontraktor tempatan yang diberi kontrak untuk melaksanakan projek-projek kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyokong usaha Kerajaan dan memberi kepercayaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk melaksanakan projek-projek jalan raya utama di negeri Sarawak. Kerajaan yakin prestasi kontraktor-kontraktor tempatan ini boleh ditingkatkan jika kontraktor-kontraktor tempatan mendapat bantuan dan nasihat daripada kontraktor-kontraktor yang lebih berpengalaman. Ianya mungkin boleh dilaksanakan jika projek-projek dibuat secara usahasama dengan kontraktor-kontraktor dari Semenanjung yang lebih berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mempercepatkan proses pembinaan jalan raya utama di negeri Sarawak, pada masa sekarang Kerajaan telah melaksanakan sistem pra-kelayakan atau pre-qualification, dengan izin, terhadap kontraktor-kontraktor pembinaan jalan. Syarat-syarat dan kriteria yang dikenakan di dalam urusan pemilihan pra-kelayakan kontraktor-kontraktor adalah ditumpukan kepada aspek-aspek kemampuan kewangan, kelayakan teknikal serta pengalaman dalam bidang kerja-kerja membina jalan. Hanya kontraktor-kontraktor yang mempunyai kemampuan serta kecekapan, kewangan, kelayakan teknik dan pengalaman yang secukupnya sahaja dibenarkan menyertai urusan tawaran projek-projek jalan berkenaan. Selain daripada itu Kerajaan sedang mengambil langkah untuk mempercepatkan proses tawaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain serta teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator yang lain, sekiranya ada, Kementerian Kerja Paya akan mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang telah menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Dijemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan. Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Mohd, Salleh dan Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai soal pencemaran udara dari kilang-kilang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesan-kesan ini seperti mengadakan zone di antara kawasan perusahaan dan perindustrian, menempatkan semula (re-locate) kilang kilang di kawasan-kawasan perindustrian yang sesuai dan memastikan syarikat-syarikat mematuhi syarat-syarat Akta Kualiti Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Habidah binti Jusoh dan Yang Berhormat Senator P. Balaram, ingin saya menjelaskan Kementerian ini sedang menggalakkan pelabur-pelabur menempatkan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan kurang maju berasaskan faedah-faedah semula jadi di kawasan-kawasan Pantai Timur seperti bekalan bahan mentah dan buruh. Akan tetapi keputusan untuk menempatkan kilang di mana-mana kawasan adalah keputusan pelabur sendiri berasaskan, khususnya, faktor-faktor keuntungan. Namun demikian, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki infrastruktur dan kemudahan-kemudahan pelaburan di kawasan-kawasan ini. Pembangunan infrastruktur akan dipergiat lagi di bawah rancangan pembangunan negara masa depan. Di samping itu Kerajaan-kerajaan negeri perlu juga mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menarik pelaburan ke negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.08 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Senator-senator, terutama sekali

dua orang Senator, Senator Puan Ainon binti Ariffin dan Senator Abdul Rashid bin Ismail yang telah berucap banyak menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

Izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan, terutama sekali oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin yang telah menimbulkan berbagai perkara mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga dan seterusnya beliau telah memberi contoh kes air galian, ataupun mineral water, dengan izin. Beliau telah menyatakan setelah pihak akhbar dan media massa membuat laporan yang meluas tentang penipuan di dalam kes ini, baharulah orang ramai tahu yang pengeluar air galian menggunakan air paip dan air perigi yang tidak bersih yang dikatakan air mineral itu.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna telah mengambil tindakan ke atas kes air galian ini, lama sebelum kes ini ditimbulkan di dalam akhbar-akhbar yang kita lihat pada baru-baru ini, Sebanyak kes air galian telah diambil tindakan oleh Kementerian semenjak bulan Julai 1990 atas kesalahan tidak berlabel air berkenaan dengan betul dan kandungannya tidak menepati kenyataan yang diberi. Air galian bernilai \$5,550 telah dirampas. Peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, insya Allah, akan didakwa di Mahkamah dengan sewajarnya.

Kementerian juga telah membuat pemeriksaan ke atas 7 buah kilang, 48 pengedar dan 51 buah kedai runcit di seluruh negara baru-baru ini dan sebanyak 253 contoh air galian telah diambil untuk dianalisa dari segi kandungannya. Kilang-kilang dan peniaga-peniaga yang didapati menyeleweng di dalam pembuatan dan pengedaran air galian ini akan diambil tindakan yang tegas di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator supaya aktiviti jualan murah palsu, promosi jualan yang menyeleweng dan sebagainya diambil tindakan tegas untuk melindungi para pengguna, inginlah saya menerangkan Kementerian memang mengambil tindakan berterusan mengenai perkara ini. Sepanjang tahun ini sehingga 31 November 1990, sebanyak 84 kes jualan murah dan promosi jualan palsu telah diambil tindakan yang melibatkan barang-barang rampasan bernilai \$177,465. Peniaga-peniaga yang terlibat akan didakwa sewajarnya di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator bagi meminta Kementerian saya bertindak dengan peka dan bersungguh-sungguh untuk melindungi hak pengguna terutamanya wanita dari dieksploitasi oleh pengguna-pengguna melalui promosi jualan dan iklan-iklan, Kerajaan sememangnya telah, sedang dan insya Allah akan mengambil perhatian yang serius dalam memberi perlindungan kepada pengguna. Sukacita dinyatakan di sini bahawa undang-undang dan jentera penguatkuasaan sahaja tentulah tidak mencukupi untuk melindungi hak pengguna. Sebaliknya pengguna-pengguna itu sendiri harus sedar mengenai hak-hak mereka, dididik dan digalakkan untuk menuntut hak-hak mereka sebagai pengguna.

Di dalam perkara ini pengguna telah diberi nasihat dan bimbingan melalui risalah-risalah panduan pengguna yang diedarkan kepada orang ramai dan menerusi ceramah-ceramah yang dilaksanakan

oleh Kementerian ini pada setiap masa. Pengguna-pengguna telah diminta berhati-hati dengan gelagat para peniaga dan membuat pilihan serta keputusan yang bijaksana di dalam pembelian dan juga hendaklah berwaspada dengan exploitent iklan-iklan promosi barang-barang.

Pihak Kementerian akan mempergiatkan lagi usaha kita untuk melindungi para pengguna **ini**. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat barang-barang yang dirampas, barang-barang tiruan terutama sekali yang berkaitan dengan barang makanan dan ubat-ubatan, memandang amat serius tentang perkara ini kerana ianya boleh mengugatkan kehidupan seseorang ataupun **life of a person**, dengan **izin**,

Tuan Yang di-Pertua, Senator Abdul Rashid bin Ismail daripada Pulau Pinang telah membangkitkan masalah barang-barang makanan perasa untuk kanak-kanak yang diiklankan di televisyen yang mana katanya adalah tidak berfaedah. Yang Berhormat juga telah meminta Kementerian saya untuk meneliti barang-barang tersebut supaya tidak dipasarkan jika tidak berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, pihak Kementerian kita akan mengambil tindakan dalam soal ini dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Penerangan dan juga bagi menjagakan iklan-iklan ini. Ini saya rasa maksudnya ialah junk food, dengan **izin**. Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah bagi kita sendiri sebagai ibu bapa memberi penerangan dan penjelasan kepada anak-anak kita tentang faedah ataupun perkara yang tidak baik mengenai makanan-makanan ini kerana negara kita mempunyai satu sistem pengamalan free interprise, maka kita tidak boleh menyekat sesiapa menjual sesuatu barang kecuali ianya bercanggah dengan undang-undang yang ada.

Satu lagi perkara saya rasa yang boleh kita guna ialah daripada persatuan ibu bapa dan guru-guru sendiri di sekolah-sekolah di mana mereka dengan kerjasama pihak pentadbiran sekolah boleh membuat peraturan mengatakan supaya barang-barang seperti ini tidak seharusnya dijual di kedai-kedai di sekolah-sekolah. Dan tiap-tiap kali barang-barang ini diiklankan dalam TV, kita sebagai ibu bapa saya rasa bolehlah menasihatkan anak-anak kita dan mengambil kesempatan iklan itu untuk memberi penerangan kepada anak-anak kita bahawa benda itu tidak bagus, jangan beli.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada baiknya kalau kita membekalkan anak-anak kita dengan sandwiches, nasi lemak atau nasi goreng - itu lebih baik lagi. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Kementerian Pendidikan.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja dan mengemukakan isu dan cadangan yang menyeluruh berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi sedikit penjelasan dan ulasan kepada semua pandangan, teguran dan cadangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penempatan terus ke Tingkatan Satu bagi pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) iaitu SRJK(C) dan SRJK(T) yang mendapat 6A di dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong, Yang Berhormat Tuan P. Balaram dan hari ini Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay, sebenarnya Kementerian Pendidikan memastikan bahawa mereka sebenar-benarnya mempunyai tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang kukuh dan dapat mengikuti pelajaran di dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di Tingkatan Satu. Oleh itu bagi sesi persekolahan tahun 1990/1991 ini, pelajar-pelajar tersebut yang mencapai kelulusan 6A di dalam ujian Pencapaian Sekolah Rendah disyaratkan perlu menduduki dan lulus Ujian Khas Bahasa Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Mereka juga harus terlebih dahulu memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti kelas peralihan.

Berhubung dengan konsep universiti terbuka, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakannya lagi. Masalah untuk menampung lebih ramai lagi pelajar dapat diatasi dengan cara memperkembangkan kemudahan yang terdapat di institusi pengajian tinggi tempatan seperti pembesaran kampus induk, penambahan kampus-kampus cawangan, penubuhan jabatan-jabatan serta pusat pengajian yang baru dan juga penambahan kursus-kursus baru.

Sungguhpun sistem universiti terbuka belum diamalkan di negara kita ini tetapi sistem pengajaran jarak jauh telah dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia melalui Pusat Pengajian Luar Kampusnya.

Selain daripada membekalkan modul pembelajaran, menyediakan tutorial di pusat-pusat wilayah dari kursus jangka pendek dt kampus induk kepada pelajar-pelajarnya, pusat pengajian luar kampus itu telah juga mewujudkan pembelajaran melalui tele-conversing dan sistem video text iaitu perbincangan dua-hala di antara penuntut dan pensyarah dengan menggunakan talian televisyen khas menghubungkan kampus induk dengan pusat-pusat wilayah. Perkembangan dan pelaksanaan program baru ini adalah salaras dengan matlamat cabaran pembangunan dan penyelidikan masa kini.

Sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Sentor Hajah Rogayah binti Che Mat hari ini tentang ketiadaan universiti atau sekurang-kurangnya institusi bertaraf kolej di Pantai Timur, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi adalah berdasarkan kepada keperluannya secara keseluruhan dan pertimbangan dari segi keberkesanan perjalanan pengajian pentadbirannya dan keupayaan untuk melatih tenaga mahir bagi pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini telah terdapat maktab-maktab perguruan, cawangan Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia, Akademi Islam dan politeknik-politeknik yang dibina di negeri-negeri Pantai Timur. Di samping itu projek kampus Universiti Islam Antarabangsa sedang dirancang untuk ditempatkan di Kuantan, Pahang. Projek-projek pembinaan kampus-kampus seterusnya pada masa akan datang perlu dirancang dan dikaji dahulu dengan teliti.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin atas sokongannya terhadap Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sebenarnya, pendidikan yang menyeluruh diberikan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah diperkenalkan di sekolah-sekolah. Ini merangkumi aspek-aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani selaras dengan falsafah pendidikan negara. KBSR dan KBSM juga menekankan nilai-nilai keusahawanan dan memberi penekanan kepada sejarah tempatan dalam usaha mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab dan berdaya-maju selaras dengan perkembangan teknologi bermutu tinggi.

Tentang nilai-nilai buruk model pendidikan barat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail hari ini, saya ingin menegaskan di sini bahawa memanglah Kementerian Pendidikan memahami bahawa model sistem kita haruslah menjauhi daripada semua nilai-nilai buruk, termasuk nilai-nilai model pendidikan Barat. Atas inilah Kementerian Pendidikan mengadakan falsafah pendidikan negara dengan matlamatnya untuk mencapai pendidikan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Dan berasaskan kepada falsafah inilah Kementerian Pendidikan mengadakan reformasi pendidikan khususnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Berhubung dengan cadangan supaya Kerajaan menambahkan bantuan dan peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak pernah melupakan Sekolah-sekolah Agama di bawah Kerajaan Negeri dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat walaupun sekolah-sekolah ini tidak ditempatkan di bawah bidangkuasa Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah ini sebenarnya telah mendapat bantuan dan sokongan yang berterusan dalam bentuk kewangan, guru dan buku teks. Pada tahun 1990, Kerajaan telah memberi bantuan sebanyak \$8.1 juta kepada 1,041 buah Sekolah Agama Rakyat di seluruh negara. Sebanyak \$6,3 juta juga telah diperuntukkan untuk pelaksanaan mata-pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Agama di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Kementerian Pendidikan juga telah memberi beberapa kursus kepada guru-guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Agama Rakyat seperti Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Sekolah kepada lebih kurang 300 orang guru besar dan penolong kanan, Kursus Penyediaan KBSR dan KBSM, Kursus Teknologi Pengajaran dan Pembelajaran dan Kursus Kemahiran Pengajian Bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga telah menempatkan hampir 1,000 orang guru terlatih untuk berkhidmat di Sekolah-sekolah Agama Negeri. Langkah ini diambil adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Sekolah Agama mendapat pendidikan yang bermutu setanding dengan sekolah-sekolah Kerajaan selaras dengan matlamat reformasi pendidikan di negara ini.

Berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh supaya sistem pendidikan diperkemas agar dapat menjuruskan lepasan sekolah menengah menjadi lebih tahan lasak. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan telahpun melaksanakan KBSM yang memperkenalkan matapelajaran Kemahiran Hidup yang meliputi komponen-komponen keusahawanan kekeluargaan, ekonomi rumah-tangga dan pertanian. Ini bertujuan untuk membina sifat berdaya usaha, berdaya maju dan bertanggungjawab selaras dengan dasar dan falsafah pendidikan negara.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan kursus-kursus pendek berkaitan dengan kemahiran vokasional di Sekolah-sekolah Menengah Vokasional. Adalah diharapkan dengan sistem pendidikan tersebut dapat membendung masalah keperlepasan di kalangan pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah. Perlu juga ditekankan di sini bahawa masalah tersebut adalah berpunca daripada beberapa faktor di luar kawalan Kementerian Pendidikan. Di antara faktor-faktor tersebut ialah pengaruh media-massa, sikap negatif di kalangan ibu bapa, masalah keluarga, pengaruh persekitaran dan seumpamanya.

Berhubung dengan cadangan untuk mengkaji semula tempoh persekolahan kepada lima tahun di peringkat sekolah rendah dan dua tahun sekolah menengah rendah, adalah difahamkan cadangan ini akan memendekkan tempoh persekolahan. Ini akan menimbulkan beberapa implikasi terhadap sistem persekolahan yang sedia ada. Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh ini. Walau bagaimanapun kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan sebelum sesuatu program itu dilaksanakan, terutamanya berkaitan dengan struktur persekolahan.

Menyentuh tentang masalah pengajaran bahasa Tamil (POL) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan P. Balaram, sebenarnya Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa memang berusaha menambah guru-guru terlatih serta mempertingkatkan mutu pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Pada tahun 1990, Kementerian telah melatih 30 orang guru terlatih yang dilantik khas untuk mengajar bahasa Tamil dan mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan kepada 20 orang guru bahasa Tamil yang sedang berkhidmat. Di samping itu, mulai tahun 1991 Kementerian Pendidikan juga akan mengambil 20 orang guru lagi untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Pengajian Bahasa Tamil.

Mengenai dengan usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan P. Balaram, Kementerian Pendidikan sebenarnya memberi keutamaan dalam penempatan guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang terlatih di sekolah-sekolah luar bandar.

Mengenai dengan cadangan supaya SRJK(T) bantuan modal dipertukarkan kepada sekolah bantuan penuh, untuk makluman Yang Berhormat, pertukaran status sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh adalah tertakluk kepada permohonan dan ia boleh dipertimbangkan mengikut kes demi kes.

Berkenaan dengan isu kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah Orang Asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Itam Wali Nawan hari ini, Kementerian Pendidikan telah, sedang dan akan berusaha membantu dan memperluaskan sekolah-sekolah Orang Asli. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:

- (i) mencadangkan semua sekolah Orang Asli di bawah seliaan Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah tersebut dapat diperluaskan dari segi pengajaran dan dari segi pembelajaran.

- (ii) memberi kursus dalam perkhidmatan guru sekolah-sekolah khas Orang Asli berdasarkan kepada kurikulum KBSR supaya mutu pengajaran guru-guru tersebut dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelas dan huraikan berkenaan dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang tidak sempat saya menjawab di sini, walau bagaimanapun perkara-perkara tersebut adalah dalam perhatian dan tindakan Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Kementerian Kewangan. Kita tinggal dalam dua minit lagi, kalau tidak habis, besok boleh sambung. Sila menjawab.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini atas pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kementerian saya, iaitu Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balam telah membangkitkan isu kenaikan pangkat di Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, khususnya Pegawai-pegawai Kastam di negeri Kedah yang dimonopolis oleh satu kaum sahaja. Ingin dijelaskan bahawa dasar kenaikan pangkat yang digunakan ialah merit seseorang pegawai itu berasaskan prestasi kerja pegawai-pegawai.

Walaupun ramai pegawai-pegawai yang telah memberi perkhidmatan yang sangat memuaskan tetapi bilangan yang boleh dinaikkan pangkat adalah bergantung kepada kekosongan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya rasa sambung esok kerana jam sudah 6.30 petang. Dewan ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan nditangguhkan pada pukul 6.30petang